



LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)



TINDAKAN SUSULAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI BAGI
SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN
BERHUBUNG PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI
SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx)
DAN *FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT
SYSTEM(FWCMS)*

ePPAx
DR.40 TAHUN 2024
FWCMS




AHLI-AHLI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN PENGGAL KE 15

- | | |
|---|--|
| 1. YB Datuk Wira Mas Ermeyati Samsudin [Masjid Tanah] | <i>-Pengerusi</i> |
| 2. YB Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] | <i>-Naib Pengerusi</i> |
| 3. YB Tuan Syahredzan Johan [Bangi] | |
| 4. YB Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] | |
| 5. YB Dato' Adnan Abu Hassan [Kuala Pilah] | |
| 6. YB Dato' Mohd Isam Mohd Isa [Tampin] | |
| 7. YB Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] | |
| 8. YB Tuan Ts. Zahir Hassan [Wangsa Maju] | |
| 9. YB Dr. Richard Rapu @ Aman Anak Begri [Betong] | |
| 10. YB Tuan Haji Azli Yusof [Shah Alam] | |
| 11. YB Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman Ku Ismail [Kubang Pasu] | |
| 12. YB Tuan Ahmad Tarmizi Sulaiman [Sik] | |
| 13. YB Datuk Ali Anak Biju [Saratom] | |
| 14. YB Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar] | |
| 15. YBrs. Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin | <i>-Setiausaha PAC /
Setiausaha Dewan Rakyat</i> |

WAKIL TETAP KERAJAAN DALAM PAC

(EX-OFFICIO PAC PARLIMEN)

1. Jabatan Peguam Negara (AGC)
2. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
3. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
4. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
5. Jabatan Audit Negara (JAN)
6. Kementerian Ekonomi
7. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)



MUKA SURAT 2

PENDAHULUAN

MUKA SURAT 3 - 5

LATAR BELAKANG

MUKA SURAT 5 - 9

**LAWATAN VERIFIKASI KDN/KESUMA TERHADAP
TINDAKAN SUSULAN YANG DIAMBIL**

MUKA SURAT 10 - 23

**TINDAKAN SUSULAN BAGI SYOR-SYOR PAC
PARLIMEN**

MUKA SURAT 23

PENUTUP

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

KANDUNGAN



**LAPORAN TINDAKAN
SUSULAN BERHUBUNG
PENGURUSAN PEKERJA
ASING BERSEPADU
(EPPAX) DAN FOREIGN
WORKERS CENTRALIZED
MANAGEMENT SYSTEM
(FWCMS)**



**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN**

**TERHADAP TINDAKAN SUSULAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

**BAGI SYOR-SYOR
LAPORAN PAC PARLIMEN**

BERHUBUNG

**PENGURUSAN PEKERJA ASING MELALUI
SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx)
DAN *FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM*
(FWCMS)**

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Pengurusan Pekerja Asing Melalui Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) dan *Foreign Workers Centralized Management System* (FWCMS) di bawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) merupakan sebahagian isu yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) - Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-badan Berkanun Persekutuan Tahun 2022 (Jilid 2) yang dibentangkan di Parlimen pada 22 November 2023.
- 1.2 Secara keseluruhannya, Jabatan Audit Negara (JAN) merumuskan pengurusan pekerja asing melalui Sistem ePPAx dan FWCMS adalah kurang memuaskan. Sistem ePPAx dengan kos pembangunan berjumlah RM19.39 juta tidak dapat digunakan secara optimum.

Manakala pencapaian pelaksanaan FWCMS pula belum dapat dinilai kerana 12 modul lengkap hanya digunakan untuk satu negara sumber iaitu Bangladesh berbanding 15 negara sumber dibenarkan. Selain itu, berlaku kelemahan dalam pengurusan pelaksanaan sistem iaitu perjanjian belum ditandatangani, hak Kerajaan tidak dapat ditentukan, kaedah dan hala tuju pelaksanaan tidak jelas, fungsi tapisan awal dan kiraan kelayakan kuota dinyahaktifkan serta kawalan ID pengguna tidak teratur.

- 1.3 Atas sebab itu, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen telah membincangkan isu ini melalui Prosiding Bil. 8/2023, Prosiding Bil. 8(a)/2023, Prosiding Bil. 8(b)/2023 dan Prosiding Bil. 8(c)/2023 pada 5 Disember 2023 sehingga 13 Mac 2024 yang bertujuan untuk mengkaji dan meneliti sama ada pengurusan perolehan dan pembangunan sistem dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai objektif utama yang telah ditetapkan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 PAC telah membentangkan Laporan PAC Parlmen (DR.16/2024) bertajuk Pengurusan Pekerja Asing Melalui ePPAx dan FWCMS di bawah KESUMA dan KDN di Dewan Rakyat pada 3 Julai 2024.
- 2.2 Dalam laporan berkenaan, PAC telah mengemukakan rumusan dan lima (5) syor yang perlu diambil tindakan oleh KESUMA dan KDN iaitu:
 - i. KDN dan Bestinet Sdn. Bhd. hendaklah dengan segera memuktamadkan keputusan perjanjian dan hala tuju sistem FWCMS.
 - ii. KDN perlu memastikan sebarang perolehan berkaitan ICT dirujuk kepada dasar dan peraturan sedia ada yang berkuat kuasa oleh Jabatan Digital Negara (dahulu dikenali sebagai MAMPU).
 - iii. KDN hendaklah membetulkan keceliaran yang berlaku dalam proses perolehan dan mencari jalan penyelesaian dengan segera.
 - iv. KDN dan KESUMA perlu bekerjasama merangka pelan strategik yang menyeluruh berhubung pengurusan pekerja asing dan tidak terhad kepada pembangunan sistem semata-mata. Kedua-dua Kementerian perlu memastikan tiada lagi pertindihan fungsi sistem yang dibangunkan mengakibatkan pembaziran wang awam.
 - v. Polis Diraja Malaysia (PDRM) perlu memaklumkan perkembangan terkini terhadap siasatan 24 permohonan kuota pekerja asing yang telah diluluskan oleh *unauthorised user* seperti dilaporkan oleh KESUMA.
- 2.3 Berdasarkan Perkara 304(b), Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023), tindakan susulan perlu diambil oleh KESUMA dan KDN selepas Laporan PAC tersebut dibentangkan di Dewan Rakyat.

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG PENGURUSAN PEKERJA ASING
MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx) DAN
FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS). (DR.16/2024)**

- 2.4 KESUMA dan KDN melalui Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) telah mengemukakan Laporan Tindakan Susulan Interim Secara Bertulis terhadap Syor-syor PAC pada 5 Ogos 2024.
- 2.5 Berikutan itu, PAC telah mengadakan Prosiding Tindakan Susulan Pegawai Pengawal ke atas Syor-syor PAC Parlimen berhubung Pengurusan Pekerja Asing Melalui ePPAx dan FWCMS di bawah KESUMA dan KDN pada 6 November 2024 melalui mandat dan punca kuasa seperti berikut:
- i. Peraturan Mesyuarat 83 (2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat (PPMMDR);
 - ii. Perkara 304(b), Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023); dan
 - iii. Seksyen 5 (3)(d), Pekeliling Am No. 1 Tahun 2024 Organisasi Kementerian-Kementerian.
- 2.6 Berikut adalah kronologi Tindakan Susulan yang telah diambil KESUMA dan KDN terhadap Syor-Syor Laporan PAC Parlimen berhubung Pengurusan Pekerja Asing Melalui Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) dan *Foreign Workers Centralized Management System* (FWCMS) (DR. 16/2024) seperti jadual berikut:

BIL.	TARIKH/ MASA	PERKARA
1.	3 Julai 2024/ 10.00 pagi	Pembentangan Laporan PAC Parlimen di Dewan Rakyat
2.	5 Ogos 2024	Laporan Tindakan Susulan Interim – Pengurusan Pekerja Asing Melalui Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) dan <i>Foreign Workers Centralized Management System</i> (FWCMS) (DR. 16/2024) telah dikemukakan oleh KESUMA dan KDN melalui MOF.
3.	12 Ogos 2024	Lawatan Verifikasi terhadap Tindakan Susulan yang diambil oleh KESUMA dan KDN - Maklumat terperinci mengenai sistem ePPAx – latar belakang, modul, demonstrasi dan hala tuju di Ibu Pejabat JTKSM, Putrajaya.
4.	28 Ogos 2024	Lawatan Verifikasi terhadap Tindakan Susulan yang diambil oleh KESUMA dan KDN - Maklumat terperinci mengenai sistem FWCMS – latar belakang, modul, demonstrasi dan hala tuju di Bestinet Sdn. Bhd., Cyberjaya, Selangor.

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG PENGURUSAN PEKERJA ASING
MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx) DAN
FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS). (DR.16/2024)**

5.	24 September 2024	Laporan Tindakan Susulan Muktamad – berhubung Pengurusan Pekerja Asing Melalui Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) dan <i>Foreign Workers Centralized Management System</i> (FWCMS) telah dikemukakan oleh KESUMA dan KDN melalui MOF.
6.	6 November 2024/ 11.30 pagi	Prosiding Tindakan Susulan Pegawai Pengawal ke Atas Syor-Syor PAC Parlimen bagi Laporan PAC Parlimen (DR. 16/2024). Saksi: i. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) - YBrs. Tuan Ramzi bin Mansor Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan) ii. Kementerian Dalam Negeri (KDN) - YBhg. Datuk Awang Alik bin Jeman Ketua Setiausaha iii. Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) - YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof Ketua Setiausaha

3. LAWATAN VERIFIKASI KDN/KESUMA TERHADAP TINDAKAN SUSULAN YANG DIAMBIL

- 3.1 Susulan daripada penyerahan Laporan Tindakan Susulan Interim Secara Bertulis oleh KESUMA dan KDN melalui MOF kepada PAC Parlmen pada 5 Ogos 2024, dua (2) sesi verifikasi terhadap tindakan susulan Pegawai Pengawal berhubung sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) dan *Foreign Workers Centralized Management System* (FWCMS) telah dilaksanakan.
- 3.2 Proses verifikasi ini telah melibatkan penyertaan para pegawai daripada MOF, Sekretariat PAC, KESUMA, KDN, Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan syarikat Bestinet Sdn. Bhd. (Bestinet).
- 3.3 Butiran verifikasi yang telah dilaksanakan adalah seperti yang berikut:

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG PENGURUSAN PEKERJA ASING
MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx) DAN
FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS). (DR.16/2024)**

Tarikh	Tempat	Skop Verifikasi	Rujukan Laporan PAC
12 Ogos 2024 (Isnin)	Ibu Pejabat JTKSM, Putrajaya	Maklumat terperinci mengenai sistem ePPAx – latar belakang, modul, demonstrasi dan hala tuju.	Syor 1
28 Ogos 2024 (Rabu)	Bestinet Sdn. Bhd., Cyberjaya, Selangor	Maklumat terperinci mengenai sistem FWCMS – latar belakang, modul, demonstrasi dan hala tuju.	Syor 1 dan 4

3.4 Ringkasan penemuan semasa verifikasi sistem ePPAx adalah seperti berikut:

- 3.4.1 KESUMA telah mula menggunakan semula beberapa modul sistem ePPAx bermula pada 1 Mac 2023 berikutan terdapat perubahan polisi dan dasar Kerajaan berkaitan pengurusan pekerja asing yang melibatkan bidang kuasa JTKSM antaranya seperti berikut:
- (a) Pindaan Seksyen 60K, Akta Kerja 1955 berkuat kuasa pada 1 Januari 2023 yang antara lain mengandungi perluasan liputan akta kepada semua pekerja tanpa mengira had gaji dan kewajipan mendapatkan kebenaran awal daripada Ketua Pengarah JTKSM sebelum menggajikan pekerja asing termasuk pegawai dagang dan pertukaran majikan; dan
 - (b) Penguatkuasaan *Multi-Tiered Levy* (MTL) pada Januari 2025 yang bertujuan bagi mewujudkan kadar levi progresif bagi penggajian pekerja asing.
- 3.4.2 Selaras dengan penguatkuasaan MTL, peruntukan sebanyak RM10 juta telah diluluskan menerusi Belanjawan 2024 bagi menaik taraf sistem ePPAX (Fasa 3-MTL). Pembangunan sistem ePPAx Fasa 3-MTL dengan kos projek sebanyak RM8.96 juta dimulakan pada 15 Julai 2024 dan dijangka siap pada 14 Julai 2025. Kelulusan ini menjadikan kos keseluruhan bagi pembangunan,

naik taraf dan penyenggaraan Fasa 1, 2 dan 3 sistem ePPAx adalah berjumlah RM19.97 juta.

3.5 Ringkasan penemuan semasa verifikasi sistem FW CMS adalah seperti berikut:

- 3.5.1 Terdapat sebanyak 15 modul dalam sistem FW CMS yang digunakan secara bersama oleh Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Imigresen Malaysia, majikan, agensi pekerjaan swasta di Malaysia dan negara sumber serta Suruhanjaya Tinggi negara sumber di Malaysia. Buat masa ini hanya Bangladesh sahaja menggunakan Modul eEmbassy kerana terdapat keperluan melalui Memorandum Persefahaman (MoU) dengan negara berkenaan manakala modul seperti *Bio-Medical System* dan *eRecruitment* digunakan di semua negara sumber.
- 3.5.2 Pembangunan sistem FW CMS telah dirangka dengan teliti dan dilengkapi dengan langkah-langkah pencegahan antaranya menerusi penggunaan teknologi biometrik melalui pengecaman wajah (*facial recognition*) dan cap jari bagi mengelakkan berlakunya penipuan identiti dalam kalangan pekerja asing sebelum (modul *Bio-Medical* atau BMS) dan semasa memasuki negara ini (modul *Bio-Medical Verification*).
- 3.5.3 Pihak syarikat melaksanakan audit dan pemantauan rapi terhadap pusat kesihatan di negara sumber yang menerima akreditasi bagi melaksanakan pemeriksaan kesihatan terhadap calon pekerja asing untuk modul BMS. Pihak syarikat mempunyai pasukan khas yang bertindak bagi menyemak dan meneliti prosedur yang dilaksanakan sebelum pengesahan kelayakan tahap kesihatan pekerja asing diberikan oleh panel di Malaysia. Tindakan proaktif ini dilihat mampu menyekat penularan wabak penyakit berjangkit seperti tuberkulosis (TB) di negara ini.
- 3.5.4 Modul-modul untuk aduan, penguatkuasaan, peringatan dan notifikasi serta teknologi biometrik membolehkan pihak penguatkuasa mengambil tindakan

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG PENGURUSAN PEKERJA ASING
MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx) DAN
FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS). (DR.16/2024)**

sewajarnya terhadap majikan dan pekerja asing yang melanggar akta dan peraturan yang berkuat kuasa.

- 3.5.5 Sistem FWCMS dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan dan sokongan yang lengkap termasuk pencegahan dan pemantauan terhadap ancaman siber dan pusat perkhidmatan pelanggan. Kapasiti tenaga kerja syarikat juga berada pada tahap optimum dan memiliki kepakaran untuk berfungsi sebagai *engine room* kepada FWCMS.
- 3.5.6 Bestinet merupakan penyedia perkhidmatan bagi sistem FWCMS dan sepanjang penggunaannya, segala caj bayaran yang perlu dijelaskan oleh majikan berkaitan pekerja asing adalah secara terus kepada akaun kerajaan yang diuruskan oleh JIM.
- 3.5.7 Kontrak FWCMS antara KDN dan Bestinet telah ditandatangani pada 3 September 2024.


3.6 Kesimpulan hasil daripada sesi verifikasi yang diadakan adalah seperti berikut:

- 3.6.1 Sistem ePPAx dan FWCMS mempunyai fungsi dan peranan yang tersendiri walaupun kedua-duanya merupakan sistem yang dibangunkan bagi pengurusan pekerja asing.
- 3.6.2 Sistem ePPAx dilihat amat membantu pihak JTKSM dalam mendigitalkan proses kerja dalaman yang berkaitan dengan pengurusan pekerja asing seperti peruntukan di bawah Akta Kerja 1955 yang melibatkan fungsi dan peranan JTKSM.
- 3.6.3 Manakala, sistem FWCMS menawarkan satu (1) kaedah solusi yang holistik (*end to end*) bagi pengurusan pekerja asing secara dalam talian melibatkan pengguna di dalam dan luar negara iaitu daripada 15 negara sumber. Sistem ini direka dan berkonsepkan rentas Kementerian dan Agensi Kawal Selia

*LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG PENGURUSAN PEKERJA ASING
MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx) DAN
FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS). (DR.16/2024)*

(AKS) bagi pengurusan secara menyeluruh berdasarkan kepada enam (6) sektor utama iaitu pembinaan, perkilangan, perladangan, pertanian, perlombongan dan perkuarian dan perkhidmatan.

- 3.6.4 Tiada pertindihan fungsi berlaku kerana peringkat awal permohonan majikan bagi mendapatkan kelulusan 60K di bawah Akta Kerja 1955 [Akta 265] telah dipersetujui oleh Kementerian Sumber Manusia untuk dilaksanakan melalui sistem ePPAx. Dengan persetujuan ini, kelulusan berkenaan tidak dibuat melalui FWCMS.
- 3.6.5 Pendigitalan proses kerja menerusi sistem ePPAx dan FWCMS berjaya meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem perkhidmatan Kerajaan. Penggunaan sistem yang cakna teknologi semasa seperti kecerdasan buatan (AI) mampu disebar luas pemakaianya bagi tujuan penguatkuasaan keselamatan awam dan membantu mengurangkan ketirisan dalam proses pengambilan pekerja asing.



**TINDAKAN SUSULAN BAGI
SYOR-SYOR PAC
(DR.16/2024)**

4. TINDAKAN SUSULAN BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN (DR. 16/2024)

4.1 Syor PAC (1): KDN dan Bestinet Sdn. Bhd. hendaklah dengan segera memuktamadkan keputusan perjanjian dan hala tuju sistem FWCMS.

Maklum balas KDN:

(A) Status Perjanjian FWCMS

4.1.1 Susulan daripada tarikh tamat Surat Setuju Terima (SST) pihak syarikat pada 31 Mei 2024, Jemaah Menteri semasa mesyuaratnya pada 29 Mei 2024 telah memutuskan perkara-perkara seperti berikut berkaitan hala tuju FWCMS:

- (a) perkhidmatan FWCMS yang telah dibangunkan oleh syarikat Bestinet disambung untuk tempoh 3 tahun atau sehingga Sistem Imigresen Bersepadu Nasional (NIISe) siap atau yang mana terdahulu;
- (b) kontrak dimuktamadkan dalam tempoh empat (4) bulan bermula dari tarikh penyambungan iaitu 1 Jun 2024 dengan melibatkan KDN, KESUMA dan agensi lain berkaitan; dan
- (c) penubuhan satu Jawatankuasa (JK) Induk ditubuhkan bagi meneliti setiap aspek yang berkaitan dengan pelaksanaan FWCMS. Jawatankuasa tersebut akan dianggotai oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN), Peguam Negara, Ketua Setiausaha KDN, KSU KESUMA dan wakil-wakil daripada kementerian/ jabatan yang akan ditentukan kelak.

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG PENGURUSAN PEKERJA ASING
MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx) DAN
FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS). (DR.16/2024)**

- 4.1.2 Ahli-ahli Mesyuarat JK Induk bagi memantau pelaksanaan FWCMS yang dipengerusikan oleh KSN telah dilantik pada 12 Jun 2024.
- 4.1.3 Susulan daripada keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) tersebut, beberapa siri mesyuarat telah diadakan dan hasil perbincangan tersebut telah diangkat ke MJM untuk pertimbangan dan kelulusan. Kronologi proses berkaitan sehingga perjanjian dimuktamadkan adalah seperti berikut:

Tarikh	Ringkasan
19 Julai 2024	MJM - KSN memaklumkan mengenai penyambungan kontrak sehingga enam (6) tahun dan Modul <i>Bio-Medical</i> dilaksanakan bersekali dengan modul-modul lain dalam sistem FWCMS dan tidak secara berasingan. MJM juga bersetuju supaya JK Induk untuk meneruskan rundingan dengan syarikat Bestinet mengenai terma-terma perjanjian perkhidmatan FWCMS.
26 Julai 2024	Mesyuarat Rundingan Harga bersama pihak syarikat yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS).
31 Julai 2024	Mesyuarat JK Induk FWCMS - Pembentangan hasil mesyuarat rundingan.
7 Ogos 2024	MJM - Membincangkan hasil mesyuarat JK Induk FWCMS.
14 Ogos 2024	MJM - Nota Jemaah Menteri mengenai hasil keputusan JK Induk FWCMS diangkat dan telah dipersetujui mengenai tempoh masa kontrak sehingga 6 tahun, kenaan sekali caj sahaja termasuk penggunaan <i>Bio-Medical</i> dan tuntutan pihak syarikat digugurkan.
Ogos 2024	Semakan draf perjanjian di peringkat Kementerian/ Jabatan berkaitan bersama pihak syarikat. Draf perjanjian telah dikemukakan ke Jabatan Peguam Negara untuk semakan akhir.
2 September 2024	Sesi perjumpaan bersama KSN, KDN, Jabatan Peguam Negara dan pihak syarikat bagi merundingkan bersama antara pihak Kerajaan dan syarikat sebelum terma-terma perjanjian dipersetujui.
3 September 2024	Perjanjian ditandatangani.

(B) Hala Tuju Sistem FWCMS

- 4.1.4 Dalam masa yang sama, KDN juga sedang membangunkan Sistem NIISe yang dijangka beroperasi secara berfasa bermula pada tahun 2025. Sistem NIISe yang akan menggantikan sistem sedia ada JIM iaitu MyIMMs berupaya untuk memenuhi keperluan keimigresenan semasa yang lebih komprehensif, berintegrasi dan berteknologi baharu. Sistem ini juga disasarkan untuk meningkatkan kualiti penyampaian kemudahan keimigresenan termasuk pengurusan pekerja asing dengan lebih fleksibel dan mengutamakan pengautomasian secara *end-to-end* serta membolehkan Kerajaan mengawal sendiri pengoperasian sistem dan kawalan data.
- 4.1.5 Sistem NIISe mampu mempertingkatkan kecekapan perkhidmatan imigresen, mengelakkan ketirisan hasil kerajaan serta mampu meningkatkan kecekapan kawalan di pintu masuk negara. Sistem ini merangkumi 13 modul utama dan enam modul sokongan. Antaranya adalah kawalan imigresen dan stok, penguatkuasaan, perisikan, pasport dan dokumen perjalanan, visa, pas dan permit, kutipan hasil, serta pengurusan depoh, tahanan, ekspatriat, pekerja asing, keselamatan, perkhidmatan dan pentadbiran.
- 4.1.6 Selepas NIISe siap dibangunkan, sistem FWCMS akan diintegrasikan ke sistem NIISe bagi memastikan pengurusan pekerja asing berjalan lancar. Pengurusan pekerja asing akan dilaksanakan sepenuhnya melalui sistem NIISe setelah kontrak perjanjian FWCMS tamat.

Ulasan PAC:

PAC mengambil maklum bahawa perjanjian kontrak untuk membangun, membekal, menyedia dan menyelenggara sistem pengurusan berpusat pekerja asing atau pun FWCMS ini di antara Kerajaan dan Bestinet Sdn. Bhd. telah

*LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG PENGURUSAN PEKERJA ASING
MELALUI SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx) DAN
FOREIGN WORKERS CENTRALIZED MANAGEMENT SYSTEM (FWCMS). (DR.16/2024)*

ditandatangani pada 3 September 2024. Tempoh kontrak yang dipersetujui adalah selama enam (6) tahun iaitu bermula pada 1 Jun 2024 sehingga 31 Januari 2031.

Bagaimanapun berdasarkan perjanjian tersebut, caj bayaran yang telah dipersetujui adalah RM215 untuk setiap pengeluaran PLKS atau ePass. Caj ini akan dibayar oleh Kerajaan kepada Syarikat Bestinet Sdn. Bhd., PAC melihat jumlah yang dipersetujui ini adalah terlalu tinggi berbanding jumlah dalam SST yang asal iaitu sebanyak RM100. Ia juga lebih tinggi daripada jumlah yang telah diluluskan oleh pihak UKAS iaitu RM86 dan jumlah yang dituntut oleh syarikat iaitu RM120 sebelum ini.

Sekiranya siling pekerja asing berjumlah 2.5 juta orang digunakan, anggaran jumlah bayaran yang akan ditanggung oleh Kerajaan adalah seperti berikut:

$$\text{RM215} \times 2.5 \text{ juta pekerja asing} \times 6 \text{ tahun} = \text{RM3.22 bilion}$$

Perjanjian yang ditandatangani ini dilihat terlalu memihak kepada syarikat. PAC amat merasa kecewa di atas perjanjian yang sebelum ini dikatakan “**tiada kos kepada Kerajaan**” yang akhirnya telah menyebabkan Kerajaan terpaksa bersetuju dan menanggung kos yang tinggi bagi tempoh enam (6) tahun.

PAC berpandangan walaupun tuntutan syarikat sebanyak RM1.572 bilion digugurkan tetapi berdasarkan kiraan kasar PAC jumlah caj sebanyak RM215 bagi tempoh enam (6) tahun yang akan diperolehi syarikat dianggarkan berjumlah RM3.2 bilion minimum iaitu dua (2) kali ganda amaun tuntutan asal syarikat.

Selain itu tempoh kontrak enam (6) tahun yang baharu adalah terlalu lama mengambil kira sistem FW CMS telah pun beroperasi selama enam tahun.

KDN sedang membangunkan sistem NIISe yang dikatakan satu sistem yang menyeluruh, maka modul FWCMS akan dikecualikan daripada sistem NIISe dan mengakibatkan sistem NIISe tidak dapat beroperasi secara keseluruhan.

4.2 Syor PAC (2): KDN perlu memastikan sebarang perolehan berkaitan ICT dirujuk kepada dasar dan peraturan sedia ada yang berkuat kuasa oleh Jabatan Digital Negara (dahulu dikenali sebagai MAMPU).

Maklum balas KDN:

- 4.2.1 KDN mengambil maklum syor tersebut dan sentiasa mematuhi pekeliling dan peraturan perolehan ICT yang berkuat kuasa dan dikeluarkan oleh MOF dan Jabatan Digital Negara (JDN) bagi sebarang perolehan ICT di KDN termasuk agensi-agensi di bawah KDN.
- 4.2.2 Tatacara Pelaksanaan Tata kelola Pengurusan dan Perolehan Projek ICT bagi RMKe-13 *Rolling Plan 1* (RP1) Tahun 2026 telah dimaklumkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT KDN dan telah diedarkan kepada Jabatan dan Agensi di bawah KDN pada 18 Julai 2024. Taklimat oleh JDN mengenai Tata kelola Pengurusan dan Perolehan Projek ICT RMKe-13 kepada golongan sasar penerima maklumat/peserta yang terlibat daripada Bahagian/Jabatan/Agensi berkaitan telah diadakan pada 16 Mei 2024.

Ulasan PAC:

PAC mengambil maklum segala tindakan yang telah diambil oleh KDN. KDN disarankan supaya Tatacara Pelaksanaan Tata kelola Pengurusan dan Perolehan Projek ICT bagi RMKe-13 *Rolling Plan 1* (RP1) Tahun 2026 dan prosedur kewangan yang ditetapkan oleh MOF haruslah dipatuhi.

4.3 Syor PAC (3): KDN hendaklah membetulkan kecelaruan yang berlaku dalam proses perolehan dan mencari jalan penyelesaian dengan segera.

Maklum balas KDN:

- 4.3.1 Bagi memastikan proses perolehan berada dalam keadaan teratur dan rundingan bersama syarikat berjalan lancar selari dengan peraturan semasa yang berkuat kuasa, KDN telah melaksanakan gerak kerja berikut:
- (a) Bengkel Pemurnian dan Rundingan Kontrak FWCMS telah diadakan pada 26 hingga 28 Oktober 2023 yang dihadiri oleh wakil-wakil daripada KDN, KESUMA, JIM, JTKSM dan wakil syarikat. Mesyuarat susulan daripada bengkel ini juga telah diadakan untuk berbincang bersama pihak syarikat berkaitan operasi, teknikal serta melibatkan terma-terma perjanjian;
 - (b) Isu ini telah menjadi perhatian YAB Perdana Menteri dan susulan itu satu perbincangan bersama Menteri Dalam Negeri, KSN, Peguam Negara, Ketua Setiausaha KDN, Ketua Pengarah UKAS dan Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan telah diadakan pada 26 Mac 2024. Bagi memastikan rundingan memenuhi kehendak pihak Kerajaan dan syarikat, Jabatan Peguam Negara telah mengetuai rundingan bersama pihak syarikat; dan
 - (c) Satu JK Induk FWCMS yang dipengerusikan oleh KSN telah diwujudkan selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 29 Mei 2024 untuk memantau aspek pelaksanaan FWCMS agar mendapat penyelesaian segera mengenai isu ini. Selain itu, Jawatankuasa Rundingan Harga yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah UKAS juga diwujudkan untuk berunding bersama pihak syarikat. Dalam hal ini, hasil keputusan JK Induk telah dibawa ke Mesyuarat Jemaah Menteri pada 7 dan 14 Ogos 2024.

- 4.3.2 KDN menambah baik tatacara semasa dengan memastikan perkara-perkara melibatkan perolehan hendaklah melalui Bahagian Perolehan, KDN. Bagi tujuan ini, KDN sentiasa memastikan proses perolehan semasa di peringkat Kementerian mematuhi pekeliling dan peraturan Kerajaan yang berkuat kuasa.
- 4.3.3 KDN juga telah mengeluarkan *Standard Operating Procedure (SOP)* Dasar Perolehan Awam (DPA) KDN bagi Bahagian/Jabatan/Agensi (BJA) di bawah KDN pada 9 September 2024 bagi menjelaskan proses perolehan bekalan dan perkhidmatan di KDN serta peranan dan tanggungjawab pegawai berkaitan bagi memastikan perancangan dan tadbir urus pelaksanaan perolehan yang lebih teratur, berkesan dan memenuhi keperluan BJA.
- 4.3.4 Antara kandungan SOP berkenaan adalah melibatkan carta alir proses, tindakan dan dokumen-dokumen yang perlu disediakan oleh Bahagian/Jabatan/Agensi di bawah KDN bagi memastikan semua pihak jelas mengenai tatacara dan proses yang perlu dilaksanakan dan dipatuhi. Hal ini bagi memastikan proses perolehan dilaksanakan dengan teratur selaras dengan ketetapan prosedur semasa yang berkuat kuasa.

Ulasan PAC:

PAC mengambil maklum segala tindakan yang telah diambil oleh KDN dalam memperbetulkan kecelaruan yang terdapat dalam perolehan FWCMS. Manual Operasi Standard (SOP) Dasar Perolehan Awam (DPA) KDN bagi Bahagian/Jabatan/Agensi (BJA) di bawah KDN yang telah dikeluarkan hendaklah dipatuhi sepenuhnya.

Selain itu bagi mengelakkan berlakunya kecelaruan yang sama dalam isu perolehan, PAC menyarankan supaya KDN sentiasa berhati-hati dan peka dalam menguruskan semua perolehan kerajaan terutamanya perolehan bernilai tinggi dan berkepentingan serta yang melibatkan isu keselamatan negara.

4.4 Syor PAC (4): KDN dan KESUMA perlu bekerjasama merangka pelan strategik yang menyeluruh berhubung pengurusan pekerja asing dan tidak terhad kepada pembangunan sistem semata-mata. Kedua-dua Kementerian perlu memastikan tiada lagi pertindihan fungsi sistem yang dibangunkan mengakibatkan pembaziran wang awam.

Maklum balas bersama (KDN dan KESUMA):

- 4.4.1 KDN dan KESUMA mengambil maklum akan syor PAC ini. Dasar-dasar berhubung pengurusan dan penggajian pekerja asing negara umumnya diputuskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Antara Menteri Dalam Negeri dan Menteri Sumber Manusia Mengenai Pengurusan Pekerja Asing yang dipengerusikan secara bersama oleh YB Menteri Dalam Negeri dan YB Menteri Sumber Manusia serta dianggotai oleh YB Menteri dan Ketua Setiausaha daripada Kementerian-Kementerian yang berkaitan. Mesyuarat ini diadakan secara berkala sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun dan keputusan mesyuarat akan dibawa untuk perakuan Jemaah Menteri.
- 4.4.2 KDN dan KESUMA akan membangunkan satu dokumen/manual yang akan menjadi rujukan utama semua pihak berkepentingan berhubung pengurusan pekerja asing dan perkara ini akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Antara Menteri Dalam Negeri dan Menteri Sumber Manusia Mengenai Pengurusan Pekerja Asing.
- 4.4.3 Berhubung isu pertindihan fungsi sistem, KDN mencadangkan agar prinsip-prinsip bagi mendasari keputusan berhubung sistem adalah seperti berikut:
 - (a) Setiap kelulusan bagi apa-apa transaksi oleh Kementerian/Agensi Kerajaan perlu berlaku dalam sistem milik Kerajaan. Walau bagaimanapun, terminal untuk permohonan boleh menggunakan sistem milik Kerajaan atau sebaliknya;

- (b) Kementerian/Agensi Kerajaan dalam melaksanakan proses di bawah akta atau peraturan yang berkuat kuasa perlu diberi kuasa dalam menentukan sistem dan modul yang akan digunakan Kementerian/Agensi Kerajaan tersebut; dan
 - (c) Kesinambungan proses kerja dan data dalam dua atau lebih proses yang berturutan wajar untuk menggunakan sistem yang sama bagi memastikan keselamatan data-data dari satu proses ke proses seterusnya.
- 4.4.4 Aliran proses pengurusan pekerja asing boleh dibahagikan kepada 2 proses utama iaitu proses permohonan kuota dan proses kemasukan pekerja asing. Proses permohonan kuota melibatkan proses pengiklanan kekosongan jawatan, kelulusan awal menggaji pekerja asing di bawah Seksyen 60K Akta Kerja 1955 [Akta 265] dan kelulusan permohonan kuota di OSC Pekerja Asing, KDN. Proses kemasukan pula bermula dengan rekrutmen, saringan pemeriksaan kesihatan di negara sumber, Visa Dengan Rujukan, Visa, kemasukan di Pintu Masuk Antarabangsa, pemeriksaan kesihatan FOMEMA dan pengeluaran PLKS.
- 4.4.5 Proses pengiklanan kekosongan jawatan dan kelulusan awal mengajikan pekerja asing di bawah Seksyen 60K Akta 265 adalah di bawah bidang kuasa KESUMA. Manakala proses kelulusan kuota pula adalah di bawah bidang kuasa KDN. Sistem ePPAx yang dibangunkan oleh KESUMA telah pun mengambil kira fungsi-fungsi tersebut yang boleh diguna pakai secara terus atau melalui integrasi sistem. KESUMA berpandangan bahawa sistem milik Kerajaan wajar digunakan dalam segala urusan melibatkan transaksi Kerajaan yang berstatus RAHSIA/SULIT bagi melindungi data majikan dan kelulusan kuota daripada dimanipulasi oleh pihak ketiga. Ke arah memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat, Sistem ePPAx turut bersedia untuk

melaksanakan integrasi dengan FW CMS atau mana-mana sistem lain tertakluk kepada hala tuju selanjutnya.

- 4.4.6 Proses kemasukan yang melibatkan bidang kuasa KDN adalah melalui Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155] dan Akta Pasport 1966 [Akta 150]. Sistem FW CMS akan dijadikan sebagai web utama bagi proses kemasukan pekerja asing manakala sistem utama imigresen iaitu MyIMMs masih kekal sebagai medium untuk kelulusan transaksi. Hal ini bagi memastikan keselamatan data dan mengelakkan daripada berlakunya ketirisan sekiranya transaksi berlaku di sistem selain daripada sistem Kerajaan.

Maklum balas KDN:

- 4.4.7 Pada 31 Januari 2024, Kerajaan telah memutuskan beberapa perekayasaan bagi meningkatkan keberkesanan keseluruhan proses penggajian pekerja asing. Antara penambahbaikan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:
- (a) mewujudkan semula OSC Pengurusan Pekerja Asing yang diketuai oleh KDN. Melalui OSC, majikan boleh melaksanakan semua urus niaga berkaitan pekerja asing di bawah satu bumbung antaranya melibatkan proses temuduga, pembayaran levi, kelulusan kuota, pertukaran majikan dan sektor serta pembayaran balik levi;
 - (b) memendekkan tempoh kelulusan kuota penggajian pekerja asing kepada 1 hari bekerja di peringkat OSC di mana pematuhan aspek keimigresenan, perburuhan dan kelayakan kuota akan dinilai oleh panel secara kolektif dan serentak; dan
 - (c) mengurangkan tempoh masa pemprosesan yang dilihat tidak relevan dan bertindih. Penambahbaikan yang dirangka bermula daripada permohonan

kuota sehingga ketibaan pekerja asing tersebut di dalam negara. Keseluruhan proses dipendekkan daripada 29 bulan 13 hari kepada 15 Bulan 7 Hari dengan pengurangan signifikan sehingga 46%.

- 4.4.8 Antara tindakan yang diambil oleh KDN dari semasa ke semasa bagi memastikan pengurusan pekerja asing adalah cekap dan teratur adalah seperti berikut:
- (a) Mengadakan mesyuarat peringkat kerja (persediaan) dengan keahlian oleh KDN, KESUMA dan semua kementerian berkaitan bagi menyelaras isu-isu berkaitan pengurusan pekerja asing sebelum diputuskan di peringkat Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Antara Menteri Dalam Negeri dan Menteri Sumber Manusia; dan
 - (b) Mengadakan mesyuarat peringkat kerja bagi menyelaras keputusan berhubung pengurusan pekerja asing yang diputuskan oleh Jemaah Menteri bagi memastikan kelancaran pelaksanaan di jabatan serta mengelakkan isu-isu berbangkit.

Maklum balas KESUMA:

- 4.4.9 KESUMA sentiasa bersedia bekerjasama dengan KDN untuk memastikan tadbir urus pekerja asing di Malaysia adalah efisien dan dinamik termasuk melaksana usaha untuk merangka pelan strategik pengurusan pekerja asing yang komprehensif dan holistik.
- 4.4.10 Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Antara Menteri Dalam Negeri dan Menteri Sumber Manusia Mengenai Pengurusan Pekerja Asing Kali ke-10 Bilangan 1 Tahun 2024 pada 16 Januari 2024 antara lain telah bersetuju dengan penambahbaikan ekosistem pengurusan pekerja asing yang melibatkan penambahbaikan proses kerja, dasar serta syarat berkaitan

pengurusan pekerja asing. Keputusan yang dicapai melalui mesyuarat ini adalah berpandukan empat (4) matlamat utama iaitu:

- (a) merendahkan kos migrasi;
- (b) mempercepatkan proses kemasukan;
- (c) memastikan kebijakan pekerja asing terjaga; dan
- (d) memastikan kepentingan majikan turut terpelihara.

4.4.11 KESUMA dan KDN akan berbincang secara berkala bagi menyelaras pengurusan sistem pekerja asing di peringkat kerja dan pre-council sebelum dibawa untuk pertimbangan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Bersama antara Menteri Dalam Negeri dan Menteri Sumber Manusia Mengenai Pengurusan Pekerja Asing.

Ulasan PAC:

Penyediaan Pelan Strategik pengurusan pekerja asing dilihat sebagai satu inisiatif yang baik. Bagaimanapun KDN dan KESUMA hendaklah memastikan Pelan Strategik yang disediakan lebih komprehensif mengambil kira keperluan pekerja asing dalam negara bagi tempoh jangka panjang dan keperluan pekerja asing mengikut sektor supaya tiada lambakan pekerja asing berlaku.

4.5 Syor PAC (5): Polis Diraja Malaysia (PDRM) perlu memaklumkan perkembangan terkini terhadap siasatan 24 permohonan kuota pekerja asing yang telah diluluskan oleh *unauthorised user* seperti dilaporkan oleh KESUMA.

Maklum balas Polis Diraja Malaysia:

4.5.1 Satu kertas siasatan (rujukan: PJ/JSJK/KS/345/24) telah dibuka bersangkut laporan polis (rujukan: Presint 7/004537/23 bertarikh 18 Mei 2023) yang disiasat di bawah seksyen 4(1) Akta Jenayah Komputer 1997 melibatkan 24

kelulusan kuota pekerja asing.

4.5.2 Hasil siasatan PDRM mendapati perkara seperti berikut:

- (a) Pihak KESUMA mengesahkan telah menerima permohonan dari kesemua 24 syarikat yang terlibat dan wakil syarikat telah hadir temuduga sebagaimana prosedur yang ditetapkan;
- (b) Semakan silang dengan pengendali sistem FWCMS mendapati kelulusan kuota telah dilaksanakan dengan cara yang teratur dan telah diluluskan dengan menggunakan ID Pegawai Pelulus yang diberi kebenaran;
- (c) Pihak vendor sistem daripada syarikat Bestinet Sdn Bhd mengesahkan kesemua kelulusan permohonan di buat menggunakan ID milik Pegawai Pelulus KESUMA; dan
- (d) Penemuan rekod yang menunjukkan rekod ID Pegawai Pelulus atas nama individu bukan pegawai KESUMA adalah berpunca daripada isu *user session* yang bertukar (*session swapped*) yang disebabkan oleh masalah teknikal pada sistem dan bukan berpunca daripada penggodaman ke atas sistem.

4.5.3 Hasil penemuan siasatan seperti yang dinyatakan di perenggan 3.5.2, kertas siasatan tersebut telah dirujuk Yang Arif (YA) Pengarah Pendakwaan Negeri (PPN), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 17 Julai 2024. Beliau telah bersetuju bahawa kertas siasatan di klasifikasikan sebagai Tiada Tindakan Lanjut atau *No Further Action* (NFA) atas alasan tiada elemen jenayah yang dapat dibuktikan dan perkara tersebut berlaku disebabkan oleh masalah teknikal pada sistem FWCMS itu sendiri dan juga tidak menyebabkan kerugian pada mana-mana pihak.


Ulasan PAC:

PAC mengambil maklum tindakan yang telah diambil oleh KESUMA dan PDRM. Bagaimanapun PAC mengambil berat isu kelemahan teknikal yang berlaku sehingga menyebabkan sistem FWCMS berhubung 24 permohonan kuota pekerja asing yang telah diluluskan oleh *unauthorised user* dan ia perlu dipastikan tidak berulang.

5. PENUTUP

PAC Parlimen mengambil maklum terhadap tindakan susulan yang diambil Pegawai Pengawal ke atas syor-syor PAC Parlimen dalam Laporan PAC Parlimen DR. 16/2024 selaras dengan Perkara 304(b), Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023).

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN



**LAPORAN PROSIDING
(HANSARD)**

**TINDAKAN SUSULAN
KEMENTERIAN PADA**

ISNIN, 6 NOVEMBER 2024



LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Rabu, 6 November 2024

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Prosiding Tindakan Susulan:
**Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) dan Foreign
Workers Centralized Management System (FWCMS)**

- (i) **Kementerian Kewangan Malaysia (MoF)**
YBrs. Tuan Ramzi bin Mansor
Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan)
- (ii) **Kementerian Dalam Negeri (KDN)**
YBhg. Datuk Awang Alik bin Jeman
Ketua Setiausaha
- (iii) **Kementerian Sumber Manusia (KESUMA)**
YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof
Ketua Setiausaha

PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

BILIK JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

RABU, 6 NOVEMBER 2024

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] - *Pengerusi*
YB. Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] - *Naib Pengerusi*
YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]
YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]
YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]
YB. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
YB. Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Wangsa Maju]
YB. Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]
YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]

Tidak Hadir [*Dengan Maaf*]

YB. Dato' Adnan bin Abu Hassan [Kuala Pilah]

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara), Parlimen Malaysia]
Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkefli [Juruaudit (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara), Parlimen Malaysia]
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Kanan (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara), Parlimen Malaysia]
Encik Amirul Ashyraaf bin Zulkifle [Penolong Setiausaha (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara), Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Jabatan Peguam Negara (AGC)

Puan Nur Farhana binti Baharuddin [Peguam Kanan Persekutuan (Bahagian Penasihat)]

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

Puan Aireen binti Ahmad Shahuddin [Ketua Penolong Pengarah (Perkhidmatan)]

Kementerian Kewangan Malaysia (MoF)

Encik Azize bin Taib [Ketua Seksyen (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Puan Nadeema binti Kamaruddin [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Encik Nurul Allbiir bin Nordin [Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Jabatan Audit Negara (JAN)

Puan Nurul Huda binti Ismail [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Audit ICT, Sektor Audit Prestasi)]

Puan Yuhanis binti Mohamed Zaki [Penolong Pengarah Audit (Bahagian Audit ICT, Sektor Audit Prestasi)]

Jabatan Akauntan Negara (JAN)

Datin Rozita binti Aminuddin [Akauntan (BPOPA)]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

PsK Mohd Mustakim bin Muhamad Sedek [Penguasa Kanan (Bahagian Siasatan)]

Kementerian Ekonomi (KE)

Puan Nurul Aainaa binti Mohamed Nasir [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Pembangunan Modal Insan)]

SAKSI**Kementerian Kewangan Malaysia (MoF)**

YBrs. Tuan Ramzi bin Mansor [Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan)]

Encik Nik Asyraf bin Mohd Ghazali [Ketua Seksyen (Pejabat Belanjawan Negara) NBO]

Kementerian Dalam Negeri (KDN)

YBhg. Datuk Awang Alik bin Jeman [Ketua Setiausaha]

YBhg. Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Kawalan)]

Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir [Ketua Audit Dalam (Bahagian Audit Dalam)]

YBrs. Tuan Muhammad Ilmami bin Dato' Haji Ahmad [Penasihat Undang-undang (Pejabat Penasihat Undang-undang)]

YBhg. Datuk Nor Muhamad bin Che Dan @ Che Din [Setiausaha Bahagian (Bahagian Perolehan)]

Encik Mohd Saffri bin Noordin [Timbalan Setiausaha Bahagian (Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat)]

YBrs. Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [Timbalan Setiausaha Bahagian (Bahagian Hal Ehwal Imigresen)]

Puan Maizatul Khairumie binti Mansorudin [Timbalan Setiausaha Bahagian (Bahagian Audit Dalam)]

Encik Andinor bin Anuar [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Hal Ehwal Imigresen)]

Encik Mohd Fairuze bin Mohd Fadzil [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat)]

Puan Siti Zubaidah binti Abdul Latif [Ketua Penolong Setiausaha (Perolehan IT)]

Puan Sharifah Norfaezah binti Syed Zainuddin [Juruaudit (Bahagian Audit Dalam)]

Puan Ghayathri a/p K Sangkar [Peguam Persekutuan (Pejabat Penasihat Undang-undang)]

Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)

YBhg. Dato' Zakaria bin Shaaban [Ketua Pengarah Imigresen (Bahagian Pekerja Asing)]

YBrs. Tuan Ayob bin Abdul Rahman [Pengarah (Bahagian Pekerja Asing)]

Polis Diraja Malaysia (PDRM)

YBhg. Dato' DCP Rohami bin Md Isa [Timbalan Pengarah (Jabatan Siasatan Jenayah Komersial)]

Kementerian Sumber Manusia (KESUMA)

YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof [Ketua Setiausaha]

Puan Betty binti Hasan [Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)]

Encik Mohd Hajazy bin Jusoh [Timbalan Pengarah (Bahagian Penguatkuasaan)]

Puan Noor Azura binti Ahmad [Ketua Seksyen Prestasi (Bahagian Audit Dalam)]

Encik Md. Faizal bin Katimon [KPSU Sektor Perkhidmatan dan Prestasi (Mantan Ketua Bahagian Pengurusan Pekerja Asing)]

Encik Paul Devaraj Michael [Ketua Penolong Setiausaha (Cawangan Perancangan Strategik, Parlimen dan Kabinet)]

Encik Muhammad Hilman bin Abdul Samat [Pegawai Khas KSU]

Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)

YBrs. Tuan Kamal bin Pardi [Ketua Pengarah]

Puan Suraya binti Sulaiman [Penolong Pengarah (Bahagian Pengurusan Pekerja Bukan Warganegar]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KELIMA BELAS, PENGGAL KETIGA

**BILIK JAWATANKUASA 1,
PARLIMEN MALAYSIA, KUALA LUMPUR**

RABU, 6 NOVEMBER 2024

Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.58 pagi

*[Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin
mempergerusikan Mesyuarat]*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okeylah ya. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Juga, selamat datang saya ucapkan pada Naib Pengerusi PAC Parlimen Kelima Belas, YB Puan Teresa Kok, Yang Berhormat Ahli-ahli PAC Parlimen, ahli-ahli ex-officio daripada Jabatan Peguam Negara, JPA, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, SPRM, Kementerian Ekonomi dan juga Jabatan Akauntan Negara.

Yang Berhormat ahli-ahli mesyuarat sekalian, Prosiding Tindakan Susulan Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) dan juga *Foreign Workers Centralized Management System (FWCMS)* hari ini adalah untuk mendapatkan penjelasan dan juga maklum balas daripada Kementerian Sumber Manusia dan juga KDN terhadap syor-syor PAC dalam Laporan PAC DR16/2024 yang telah pun kita bentangkan di Parlimen pada 3 Julai yang lalu.

Dalam laporan PAC pengurusan pekerja asing melalui Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) dan juga FWCMS, terdapat lima syor yang telah pun PAC kemukakan kepada KESUMA dan juga KDN untuk tindakan dan juga perhatian. Yang pertamanya, KDN dan Bestinet Sdn. Bhd hendaklah dengan segera memuktamadkan perjanjian dan juga hala tuju sistem FWCMS.

Yang keduanya, KDN perlu pastikan sebarang perolehan berkaitan dengan ICT dirujuk kepada dasar dan juga peraturan sedia ada yang berkuat kuasa oleh Jabatan Digital Negara yang mana dahulunya dikenali sebagai MAMPU. Yang ketiganya, KDN hendaklah membetulkan kecelaruan yang berlaku dalam proses perolehan dan mencari penyelesaian dengan segera.

Yang keempat, KDN dan KESUMA mestilah perlu bekerjasama merangka pelan strategik yang menyeluruh berhubung dengan pengurusan pekerja asing dan tidak terhad kepada pembangunan sistem semata-mata, yang mana kedua-dua

kementerian perlu pastikan tiada lagi berlakunya pertindihan fungsi sistem yang dibangunkan mengakibatkan berlakunya pembaziran wang awam.

Yang kelima, PDRM perlu memaklumkan perkembangan terkini terhadap siasatan 24 permohonan kuota pekerja asing yang telah pun diluluskan oleh *unauthorised user* seperti yang dilaporkan oleh KESUMA.

Yang Berhormat ahli-ahli mesyuarat sekalian, jadi hadir di hadapan PAC pada hari ini, yang pertamanya Yang Berusaha Tuan Ramzi bin Mansor, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, MoF. Yang keduanya, Yang Berbahagia Datuk Azman bin Mohd Yusof, KSU KESUMA dan Yang Berbahagia Datuk Awang Alik bin Jeman, Ketua Setiausaha KDN. Tahniah ya. Hari itu, datang sini sebagai orang lain. Hari ini, datang jadi yang lain. *[Ketawa]*

Dekat sini memang menyaksikan banyak perubahan. Kejap dia jadi ini, selepas itu kejap dia jadi yang lain. Jadi, tanpa membuang masa, saya dengan ini mempersilakan Yang Berusaha Tuan Ramzi bin Mansor untuk memulakan pembentangan. Dipersilakan.

Tuan Ramzi bin Mansor [Kementerian Kewangan (MoF)]: Okey. Assalamualaikum dan selamat pagi. Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati Samsudin, Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC), Yang Berhormat Puan Teresa Kok, Timbalan Pengerusi PAC, Yang Berhormat—Yang Berhormat Ahli-ahli PAC. Bersama saya, Datuk Azman, KSU KESUMA sebelah kanan saya dan juga Datuk Awang Alik, KSU KDN sebelah kiri saya. Juga, kepada ahli ex-officio kementerian, jabatan dan juga sekretariat PAC-lah pada pagi ini. Okey.

Untuk pembentangan pada pagi ini terhadap susulan pada syor-syor laporan PAC berhubung pengurusan pekerja asing menerusi sistem ePPAx dan juga FWCMS adalah— yang datang sini adalah Yang Berbahagia Datuk Azman, KSU KESUMA dan juga Datuk Awang Alik, KSU KDN dan juga, ada pegawai-pegawai daripada Kementerian Kewangan dan KESUMA dan KDN-lah di sebelah kanan saya. Ini ramai yang akan membantu nanti, sekiranya perlulah.

So, susulan daripada— secara latar belakangnya YB, susulan daripada Laporan Ketua Audit Negara pada tahun 2022 Jilid 2 mengenai Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) dan juga *Foreign Workers Centralized Management System (FWCMS)* di bawah KESUMA dan juga KDN, PAC Parlimen telah memutuskan untuk membawa isu ini dalam empat prosiding. Antara 5 Disember 2023 hingga 13 Mac 2024.

So, laporan PAC berhubung isu ini telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 3 Julai dan terdapat lima syor PAC, seperti mana yang YB Pengerusi beritahu, yang berkehendakkan tindakan susulan diambil oleh pegawai pengawal selaras dengan

Arahan Perbendaharaan (Pindaan) 2023, 304(B). So, pihak KESUMA dan juga KDN melalui MoF telah mengemukakan laporan tindakan susulan interim bagi isu ini kepada PAC Parlimen pada 5 Ogos 2024 dan juga laporan muktamad pada 24 Disember 2024.

Sehubungan itu, pada hari ini, MoF bersama-sama KESUMA dan juga KDN akan membentangkan kepada PAC Parlimen status tindakan susulan yang telah dilaksanakan terhadap syor-syor PAC berhubung isu ini. Sebelum saya serahkan kepada kedua-dua KSU yang sebelah kiri dan kanan saya ini, izinkan saya untuk berkongsi sedikit mengenai proses verifikasi yang telah dilaksanakan oleh pihak MoF dan juga sekretariat PAC terhadap tindakan susulan pegawai pengawal.

Untuk makluman Yang Berhormat, dua sesi verifikasi telah dilaksanakan iaitu pada 12 Ogos 2024, berlaku—verifikasi ini bertempat di ibu pejabat Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) berkaitan dengan sistem ePPAx dan pada 28 Ogos 2024 di Bestinet Sdn. Bhd, Cyberjaya berhubung sistem FWCMS. So, melalui sesi verifikasi ini, dapat disimpulkan.

Pertama, sistem ePPAx dan juga FWCMS mempunyai fungsi dan peranan yang tersendiri. Walaupun secara umumnya, kedua-duanya merupakan sistem yang dibangunkan bagi pengurusan pekerja asing. Yang kedua, KESUMA telah menggunakan semula beberapa modul sistem ePPAx susulan daripada perubahan dasar dan juga pindaan Akta Kerja 1995 di bawah Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia.

Daripada susulan tersebut, sebanyak RM10 juta peruntukan melalui Belanjawan 2024. Bukan 2025 ya. 2024, maknanya *last year* belanjawan yang dilaksanakan pada tahun ini, telah diluluskan bagi menaik taraf sistem ePPAx Fasa 3. Yang terakhir, melalui verifikasi ini, sistem FWCMS menawarkan kaedah solusi yang holistik (*end-to-end*) bagi pengurusan pekerja asing secara dalam talian (*online*), melibatkan pengguna di dalam dan juga di luar negara iaitu daripada 15 negara sumber.

Untuk pembentangan selanjutnya, berkaitan dengan status tindakan yang diambil, saya dengan ini menjemput Yang Berbahagia Datuk KSU KESUMA dan juga KSU KDN bagi menyampaikan taklimat selanjutnya. Dipersilakanlah.

Datuk Awang Alik bin Jeman [Kementerian Dalam Negeri (KDN)]: Terima kasih, Tuan Ramzi. Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati Samsudin, Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Yang Berhormat Naib Pengerusi, Yang Berhormat Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dan sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara yang saya hormati.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kerana telah menjemput Kementerian Dalam Negeri dan juga Kementerian Sumber Manusia, bersama-sama dengan pihak Kementerian Kewangan untuk hadir bagi prosiding tindakan susulan terhadap syor-syor Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara pada pagi ini.

Izinkan saya untuk meneruskan sesi pembentangan berkenaan dengan tindakan susulan pegawai pengawal terhadap syor-syor yang dilaporkan oleh PAC merangkumi keseluruhannya, yang ada lima tadi, bagi tujuan Laporan Ketua Audit Negara seperti ringkasan yang dipaparkan, ya. Ada lima yang disyorkan dekat situ.

Untuk makluman Yang Berhormat, kesemua syor yang dilaporkan telah pun diambil tindakan yang mana tiga daripadanya telah selesai iaitu Syor 1, perjanjian telah dimuktamadkan pada 3 September 2024. Manakala Syor 2, pemantapan dibuat terhadap prosedur operasi standard serta Syor 5, siasatan pihak Polis Diraja Malaysia telah pun selesai. Walau bagaimanapun, bagi Syor 3 dan 4, tindakan pembetulan dan *way forward* masih dalam pelaksanaan.

Butiran bagi setiap syor adalah seperti slaid yang seterusnya [*Merujuk kepada pembentangan slaid*] Ahli Yang Berhormat, syor pertama yang dilaporkan adalah KDN dan Bestinet Sdn. Bhd hendaklah dengan segera memuktamadkan keputusan perjanjian dan hala tuju sistem FWCMS. Susulan daripada tarikh tamat Surat Setuju Terima (SST), pihak syarikat pada 31 Mei 2024, Jemaah Menteri semasa mesyuaratnya pada 29 Mei 2024 telah memutuskan perkara-perkara seperti berikut berkaitan hala tuju FWCMS.

Yang pertama, perkhidmatan FWCMS yang telah dibangunkan oleh Syarikat Bestinet disambung untuk tempoh tiga tahun atau sehingga Sistem Imigresen Bersepadu Nasional (NIISe) siap atau yang mana terdahulu. Yang kedua, kontrak hendaklah dimuktamadkan dalam tempoh empat bulan bermula dari tarikh penyambungan iaitu 1 Jun 2024 dengan melibatkan KDN, KESUMA dan agensi lain yang berkaitan.

■1210

Ketiga, penubuhan satu jawatankuasa induk bagi meneliti setiap aspek yang berkaitan dengan pelaksanaan FWCMS. Jadi, selaras dengan keputusan Jemaah Menteri tersebut, satu jawatankuasa induk FWCMS telah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara serta dianggotai oleh Ketua Setiausaha KDN, Ketua Setiausaha KESUMA, Peguam Negara, Ketua Pengarah Unit Kerjasama Awam Swasta, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dan Ketua Pengarah Jabatan Digital Negara.

Peranan dan fungsi jawatankuasa induk ini adalah untuk menentukan dasar hala tuju sistem menyemak dan memperakunkan terma-terma kontrak bagi pelaksanaan sistem serta membincangkan mengenai penyelesaian isu-isu FWCMS. Untuk makluman Yang Berhormat juga, dokumen perjanjian kontrak untuk membangun, membekal, menyedia dan menyelengara sistem pengurusan berpusat pekerja asing atau pun FWCMS ini di antara kerajaan dan Bestinet Sdn. Bhd. telah ditandatangani pada 3 September 2024.

Perjanjian ini merupakan kesinambungan kepada kontrak terdahulu yang bermula pada 1 April 2018 dan tamat pada 31 Mei 2024. Antara yang telah menjadi teguran di dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) ialah mengapa kontrak ini tidak ditandatangani sehingga tarikh akhir sebagai mana tercatat dalam Surat Setuju Terima pada 31 Mei 2024. Jadi, salah satu daripada punca utama kegagalan menandatangani kontrak ini ialah kerana tiada persetujuan dapat dicapai berkenaan dengan kadar caj yang akan dikutip oleh Bestinet daripada pekerja asing melalui para majikan.

Kadar yang dinyatakan di dalam SST iaitu ialah kadar maksimum iaitu RM100 bagi setiap PLKS yang dikeluarkan sama ada PLKS pembaharuan atau PLKS tahun pertama. Walau bagaimanapun unit kerjasama awam swasta melalui surat bertarikh 29 Disember 2022 berpandangan bahawa jumlah maksimum yang patut dan boleh dikutip oleh syarikat adalah tidak melebihi RM86 sahaja.

Pandangan UKAS adalah berdasarkan kepada penyata kewangan syarikat yang di dalamnya terkandung kos pembangunan sistem dan kos *overhead* lain yang ditanggung syarikat dalam membangunkan sistem FWCMS tersebut. Jadi, pemuktamadan ini juga dibuat berdasarkan keputusan sebagai mana yang terkandung di dalam satu memorandum Jemaah Menteri bertarikh 29 Mei 2024, satu Nota Jemaah Menteri bertarikh 14 Ogos 2024 dan satu minit ceraian bertarikh 6 Ogos 2024 yang telah diangkat kepada Tan Sri Ketua Setiausaha Negara.

Antara kandungan Nota Jemaah Menteri yang telah di bentang oleh Tan Sri KSN pada 14 Ogos 2024 adalah seperti berikut. Pertama, kadar caj perkhidmatan kepada Bestinet adalah sebanyak RM 215 bagi setiap pengeluaran PLKS atau ePASS. Kedua, pelaksanaan kontrak selama enam tahun bermula 1 Jun 2024 sehingga 31 Januari 2031. Ketiga, caj bayaran kepada pihak syarikat hanya sekali termasuk *biomedical*. Keempat, hak eksklusif diberikan kepada Bestinet untuk pengeluaran Pas Lawatan (Kerja Sementara) ataupun ePASS tahun pertama dan pembaharuan ePASS. Kelima, tuntutan sebanyak RM1.65 bilion oleh Bestinet Sdn. Bhd. digugurkan.

Pemuktamadan kontrak ini telah mengambil kira teguran-teguran audit terdahulu. Antaranya berkenaan dengan pemilikan Super ID dan kawalan terhadap sistem bagi mengelakkan kelulusan tidak teratur seperti mana yang telah berlaku kepada kontrak yang lama. Proses memuktamadkan kontrak baharu ini turut melibatkan agensi dari Jabatan Digital Negara dan Unit Kerjasama Awam Swasta.

Bukti penglibatan adalah terkandung di dalam minit ceraian yang telah diangkat kepada Tan Sri Ketua Setiausaha Negara pada 6 Ogos 2024 yang telah ditandatangani bersama oleh yang pertamanya Datuk Haji Ruji Bin Ubi, Ketua Setiausaha KDN; Datuk Ahmad Terrirudin Mohd Salleh, Peguam Negara; Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz, KPPA; Dato' Sri Khairul Dzaimee bin Daud, KSU KESUMA; Datuk Shamsul Azri bin Abu Bakar, KP UKAS dan Ts. Dr. Fazidah binti Abu Bakar, KP JDN.

Selain daripada itu, berkenaan hala tuju penggunaan sistem FWCMS. KDN telah membuat pemakluman kepada Ketua Pengarah Imigresen pada 23 Oktober 2024 untuk menggunakan modul-modul FWCMS yang melibatkan Jabatan Imigresen Malaysia berkuat kuasa 1 November 2024 seperti yang telah dipersetujui oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri berdasarkan hasil perbincangan bersama Ketua Setiausaha Negara pada 21 Oktober 2024 dan...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Boleh kita dapatkan surat ini tak? Nanti bagi dia bertarikh ini kan?

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Ya. Boleh, boleh.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey.

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Okey. *Alright.* Yang Berhormat, izinkan saya teruskan dengan pembentangan syor yang kedua.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kita settle kan dulu syor nombor satu.

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Okey.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Belum lagi ini tengok, tangan Bangi itu dah... *[Ketawa]* Okey, Bangi.

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Okey. Silakan.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Bangi, lepas itu Wangsa Maju.

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Okey.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Terima kasih, Datuk Wira Pengerusi. Saya sedikit terkejutlah mendapat tahu bahawa akhirnya perjanjian ini ditandatangani sebab sebelum ini nampak gaya macam ada beberapa isu yang

menghalang daripada pemuktamatan perjanjian ini. Tetapi, kini telah dimaklumkan bahawa ia ditandatangani.

Jadi, saya hendak tahu pertamanya tentang perjanjian ini. Berapa lama tempoh perjanjian yang ditandatangani ini? Adakah sebab— saya tahu sebelum ini diminta untuk enam tahun ya Bestinet. Jadi, itu satu. Berapa lama tempoh dia? Kedua, berapa caj kutipan yang akan dikenakan? Ketiga, adakah isu-isu yang sebelum ini yang menjadi pertikaian sudah diselesaikan di antara pihak kementerian dengan Bestinet ini? Terima kasih.

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi. Seperti mana yang saya sebutkan tadi. Berdasarkan kepada Nota Jemaah Menteri yang telah dibentangkan oleh Tan Sri KSN pada 14 Ogos 2024, tempoh pelaksanaan kontrak adalah selama enam tahun ya. Enam tahun ya.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Enam tahun daripada 2024?

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: 1 Jun 2024 hingga 31 Januari 2031.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Datuk Wira, boleh tak kita dapat kontrak itu? Boleh tak PAC dapatkan kontrak itu?

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Boleh, boleh, boleh.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Okey, terima kasih.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Soalan yang kedua berkenaan dengan...

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Caj kutipan.

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Caj RM215, Yang Berhormat.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: RM215 daripada...

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: RM215.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Daripada yang kata cadang yang RM86 itu terus naik kepada RM215? Kenapa? Boleh terang— boleh bagi justifikasi pada PAC kerana jumlah RM86 sebagai mana surat pada tahun 2023, *end of December* ya yang dinyatakan tadi. Jumlahnya lebih daripada 100 percent. Lebih daripada 100 percent kenaikan. Boleh bagi justifikasi mengapa keputusan itu diambil untuk bersetuju sedangkan banyak kali bila kita bertanyakan dalam prosiding, banyak kali menyatakan macam kerajaan tidak bersetuju dan kita pun merasakan mustahil bahawa kerajaan akan menandatangani perjanjian ini akhirnya. Boleh berikan jawapan, penjelasan dan justifikasi kenapa diberikan jumlah tersebut? Terima kasih.

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Dr.?

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [Kementerian Dalam Negeri (KDN)]:

Terima kasih, YB Datuk Wira Pengerusi. Berkenaan dengan soalan...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kejap, ya.

Bagi saya nama dulu dan jawatan. Terima kasih.

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: Nama saya Dr. Hebat Hisham Mohd. Yusoff, Timbalan Setiausaha Bahagian, Bahagian Hal Ehwal Imigresen, KDN, Datuk.

So, bagi menjawab persoalan tadi Datuk, mengapa caj daripada RM86 kepada RM215? Mengapa kerajaan bersetuju kerana terdapat tuntutan daripada syarikat yang bernilai RM1.63 bilion yang dituntut oleh syarikat. Tuntutan syarikat adalah berdasarkan *argument* dia YB Datuk kerana dia tidak dibenarkan mengutip apa-apa kutipan sepanjang berlakunya kontrak yang bermula daripada 2018 sehingga 31 Mei 2024. Kami pun mendapat pandangan daripada AGC dan AGC berpendangan bahawa kes yang dimiliki oleh syarikat, kuat dan ada asas.

■1220

Oleh yang demikian, untuk cari jalan tengah kita bersetuju Datuk dengan kadar caj perkhidmatan RM215 bagi setiap PLKS ataupun ePASS yang dikeluarkan. Itu...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Jadi– okey. Sebelum pergi jauh ya tapi jumlah yang dia minta sebelum ini adalah RM100. Kenapa tak menetapkan pada kadar RM100? Kenapa perlu lebih ini?

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: Kerana kalau kita bersetuju RM100, jumlah kerugian yang RM1.6 bilion yang dinyatakan syarikat tadi tidak dapat ditampung Datuk. RM1.6 bilion ini adalah berdasarkan pengiraan 2.2 pekerja asing setahun kali dengan 100– 2.7 kali dengan 100 kali dengan enam. Yang itu kita dapat tuntutan daripada syarikat, Datuk. So, asasnya dia kata dia tak kutip langsung daripada 2018 sehingga 31 Mei 2024. So, untuk *cover loss*, kerugian yang dialami oleh syarikat kita bersetuju dengan caj cadangan yang RM215 bagi setiap PLKS ataupun ePASS Datuk Pengerusi.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: So, Datuk Wira *essentially* lah, kan? *The government is* mengakulah silap dan bersetuju bahawa syarikat ini dalam apa yang betul dan ini dia punya *compensation* ya, *compensation* kerana gagal menandatangani kontrak di peringkat awal. *Is that it? I mean* kita ini nak *lessons learned* supaya benda-benda macam ini tidak berlaku kemudian hari, kan? Disebabkan kegagalan kerajaan menandatangani pada awalnya dan *with that kind of amount* yang dulu asal dia minta RM100 sahaja, sekarang dah lebih 100 percent tambahan.

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: Asas yang dikemukakan oleh syarikat dan pandangan daripada AGC pada masa tersebut adalah *valid* tuntutan RM1.6 bilion tadi. So, kita pun bersetuju dengan kadar RM215 agar kerajaan tidak diseret untuk ke mahkamah. Antara pada masa itu, antara punca– salah satu justifikasi yang diberikan oleh AGC pada masa itu kita juga telah kalah pada satu tuntutan yang mana kerajaan kena bayar hampir RM300 juta di bawah...

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Dia– apa yang membimbangkan ataupun apa yang buat kami sedikit gusar ini adalah dia tak tuntut pun sampai RM200 untuk satu pekerja. Yang kami faham dalam *negotiation* itu semua sekali dia selalu dia tuntut ataupun dia punya *position* ialah RM100. Tapi sekarang tiba-tiba dia dah naik sampai RM215 yang mana sebelum ini tak adapun dalam pembentangan prosiding sebelum ini yang ada pengiraan untuk masuk sekali apa yang dituntut. Sebab apa yang kami faham adalah sebelum ini pihak Bestinet ini dia nak masuk perjanjian dan *demand* dia ialah untuk RM100 untuk dinaikkan, sampai ke RM100 daripada RM86. Jadi tiba-tiba sekarang, ya lah macam YB Kapar kata lebih daripada 100 peratus kenaikan. Itu yang kami terperanjat lah dengan perkembangan ini.

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: YB Datuk Pengerusi berkenaan dengan pertanyaan YB Bangi, syarikat memang ada membuat tuntutan secara rasmi melalui satu surat bertarikh 1 April 2024. Kemudian pada 26 Julai 2024, syarikat juga mengutarakan nilai yang sama. Dia sedikit lebih tinggi daripada yang RM215, RM230. Itu adalah kadar yang telah diminta oleh syarikat melalui mesyuarat dengan UKAS pada 26 Julai 2024.

Selain daripada *meeting* dengan UKAS tersebut, syarikat juga ada menulis secara rasmi dan menjelaskan kenapa tuntutan yang dibuat sebanyak RM1.6 bilion melalui surat bertarikh 1 April 2024, Datuk Pengerusi.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Yang Berhormat Pengerusi, masalahnya adalah berpunca daripada SST. SST itu apabila kerajaan setuju terima dengan projek ini adalah *at no cost to the government*. Itu prinsipnya. Tetapi akhirnya syarikat ini menuntut RM1.6 bilion dan kerajaan terpaksa sekarang bayar RM215 kepada Bestinet. Jadi, saya rasa ini adalah bahawa nampaknya kerajaan *give in to that kind of pressure*. Ya, ini pada pandangan saya lah.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: As if Bestinet ini tak ada kesilapan langsung, dia okey. Dengan apa yang dijanji SST itu, kan? Seolah-olah itu macam tidak ada apa-apalah. Maknanya *100 percent responsibility on the government. That is why government* setuju bayar lebih.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: *Just follow up* juga. Macam mana kita boleh *in a position* yang mana kita sebagai kerajaan boleh ada dalam situasi

yang mana kita *on the back foot* sampai kita terpaksa terima sampai banyak itu *demand* dia? Jadi saya tak faham kenapa kita boleh sampai? *How do we get to this stage? We are the government.* Orang cari kita untuk dapat kontrak. Kita *government*. Tapi sekarang ini kita pula terpaksa *comply* dengan tuntutan kontraktor-kontraktor ataupun orang yang nak buat bagi servis. Saya tak faham *how can we reach this situation*. Saya amat– maaf lah saya cakap YB Pengerusi, saya amat kecewa lah dengan apa yang berlaku. Terima kasih.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Bangi berhak rasa macam itu. *It's not only Bangi. I think all of us, all of us.* Semua, semua daripada kita, ya.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Pengerusi, pengerusi.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Pengerusi.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Lagipun saya tengok daripada 2024 sampai 2031 dia bertambah. Dia bukan RM100. Dia sekarang RM115 kalau tolak yang RM100. RM215 itu kiralah RM100 itu tadi untuk *compensate* yang *previously*. Tapi yang baharu ini pun pertambahan RM115. Padahal, syarikat cuma minta RM100 sahaja, tapi kita bagi RM115. Pertambahan, maksud saya pertambahan.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: RM215 kah RM115? *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: RM215.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Dia RM215. Tapi yang RM100 itu untuk *compensate* yang *previous one*. Jadi yang baharu ini RM115, pun lebih daripada RM100 yang syarikat minta.

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: YB Datuk...

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Apa impak kalau kita tak ikut apa kehendak dia?

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, sebelum pergi ke soalan apa impak itu, saya hendak tambah lagi ini. Sewaktu perundingan tersebut– ya lah bincang, lepas itu ada pandangan dan sebagainya dia hendak buat tuntutan perundungan terhadap Kerajaan Malaysia. Apakah sebenarnya jumlah yang diminta oleh syarikat tersebut? Adakah dia menetapkan RM215 ataupun ada amaun lain, ataupun bagaimana?

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: YB Datuk, berkenaan dengan pertanyaan tersebut, syarikat seperti mana yang dijelaskan tadi asas pengiraan kepada RM1.631,832,177 tersebut adalah berdasarkan RM100 caj yang dipersetujui sebelum ini dalam SST yang lama dikali dengan jumlah pekerja asing yang ada.

Sebab itu dia boleh dapat RM1.6 bilion. Dia bukan *start* pengiraan itu terus-terus kepada RM215. Asas pengiraan masih lagi RM100 bagi setiap ePLKS.

So, jumlah pekerja asing berdasarkan pengiraan daripada 2018 kepada 2024 adalah sebanyak 13.2 juta. Kita kali dengan RM100, kita akan dapat RM1.320 bilion. Kemudian ada juga elemen empat peratus faedah untuk pinjaman yang *di-claimed* oleh syarikat yang menjadikan keseluruhan tuntutan daripada RM1.3 bilion kepada RM1.631 bilion tadi, YB Datuk Wira Pengerusi.

So impak, berkenaan dengan soalan impak. Kalau kita tak itu, kerajaan mungkin diheret ke mahkamah. Itu pandangan oleh AGC, YB Datuk Wira.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Tuan Pengerusi.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ya, boleh tak sebelum saya bagi kepada Bayan Baru, boleh tak saya nak dapat respons daripada pihak AGC?

Puan Nur Farhana binti Baharuddin [AGC]: Okey. Assalamualaikum YB Pengerusi. Berkenaan dengan persetujuan daripada *figure* RM215, pihak AGC sebenarnya tidak memberikan sebarang persetujuan. Kita hanya *advice* dari segi *legal position* sahaja. Amaun yang dipersetujui adalah merupakan perkara dasar. Jadi, kita tidak *involved* lah.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Jadi, respons daripada pihak kementerian?

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: Kalau untuk kata AGC tak *involved*, bagi saya kurang tepat YB Datuk Wira kerana AGC sendiri, Datuk Terri sendiri berada dalam Jawatankuasa Induk daripada mula sampai ke akhir, dalam Jawatankuasa Induk yang telah diputuskan dalam MJM yang telah dibentangkan pada 29 Mei 2024. Selain daripada— Datuk AGC sendiri, pegawai AGC juga ada dalam beberapa siri perbincangan yang telah diadakan.

■1230

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Datuk Wira, nak tanya. Yang AGC hadir itu dalam *meeting-meeting*, *is it specifically* mengenai kuantum itu yang dipersetujui sekarang ini kiraannya?

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: Ya.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Bayan Baru.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Okey. Saya— Datuk Wira Pengerusi, saya rasa ada sedikit ketidakadilan kepada pekerja-pekerja asing yang baharu terutamanya syarikat-syarikat yang membawa pekerja asing yang baharu, sebab mereka terpaksa bayar untuk orang yang lama. Maksudnya, dia terpaksa bayar RM215 untuk membayar hutang yang kerajaan— kepada orang yang sudah masuk

tanpa kena caj. Jadi, untuk— saya rasa untuk majikan-majikan yang baharu ini, mereka seolah-olah ini terpaksa bayar untuk hutang lama dan mereka ini jadi mangsa kerana *structure* ini, yang baharu ini.

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: Terima kasih, YB. Sebenarnya RM215 itu bukan dibayar oleh syarikat ataupun majikan. Ia merupakan caj perkhidmatan yang dibayar oleh kerajaan kepada syarikat bagi setiap satu pengeluaran PLKS ataupun ePPAx, tidak melibatkan majikan. Majikan hanya membayar kepada kerajaan nilai-nilai yang sedia ada iaitu levi, visa, pas dan juga *processing fee*. RM215 bukan dibayar oleh majikan.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Okey. Jadi, ini lagi teruklah kerajaan kena bayar, okey.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Sebab maknanya kerajaan memang mengaku salah, tersilap. *Then, you have to pay.*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Dan saya nak *question the valuation of RM1.5 billion* ataupun *RM1.6 billion* ini. Ini adalah vendor yang tentukan. Pada sebenarnya *developing a system* walaupun sangat kompleks— saya setuju dia kompleks, saya setuju dia besar tapi *RM1.5 billion* ini besar angkanya. *I think the government is taking lock, stock and barrel, RM1.5 billion, RM1.6 billion*, itulah yang kita bayar. Saya rasa kena ada *valuation* yang betul-betul barulah kita *negotiate*, bukan kita ikut apa yang *quotation* daripada vendor.

Kalau begitu senang, *next time* semua orang akan tawar kepada kerajaan apa-apa sahaja, *RM10 billion*, *RM100 billion* pun boleh. Saya rasa *valuation* itu— adakah kerajaan buat *valuation* tentang kontrak ini, tentang sistem FWCMS ini?

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: Berkenaan dengan penilaian terhadap tuntutan, ia dinilai oleh Jawatankuasa Induk yang dimaklumkan tadi. Kemudian, Jawatankuasa Induk juga telah melantik Jawatankuasa Runding Harga untuk meneliti tiap-tiap tuntutan, perincian kepada tuntutan. Dia jawatankuasa yang peringkat teknikal itu adalah di bawah UKAS, dia yang menilai setiap tuntutan tersebut.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Ya, biasanya UKAS-lah. UKAS, ada siapa-siapa UKAS di sini?

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Parlimen Malaysia]: Tak ada. EPU, KE ada Kementerian Ekonomi. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: KE?

Seorang Ahli: Bukan, bukan. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: KE dia— UKAS di bawah JPM ya.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Datuk— kalau tak boleh jawab. Saya nak tanya Datuk KSU, berapa sebenarnya jumlah yang kerajaan harus bayar ya untuk sistem-sistem yang berada di KDN? Sebab kalau kita tengok yang ini dah *RM1.6 billion*, lepas itu sistem NIISe ya, yang menelan hampir RM3 bilion. Jadi, banyak sebenarnya untuk sistem sahaja yang diperuntukkan.

Kita tengok dalam prosiding yang lepas ya, perkara ini berlaku disebabkan oleh ada berlaku melengah-lengahkan dalam membuat keputusan dan tidak serius dan meletakkan—

yalah, bila kita panggil saksi-saksi untuk datang dan kita tengok bila mereka kejarkan untuk tandatangan perjanjian tapi ada... *[Dicelah]* melengah-melengahkan di peringkat kerajaan yang nampak tidak serius untuk tandatangan. Akhirnya, hari ini bayaran yang cukup tinggi yang harus kerajaan bayar gunakan duit rakyat untuk sistem tersebut. Malang sekalilah, Datuk Awang ada *kat* dalam KDN kali ini.

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Datuk Wira Pengerusi, saya kalau boleh, saya minta kalau adalah,— setakat ini, saya tak ada *figure* berapa sebenarnya sebab macam mana yang Datuk Pengerusi maklum, saya pun baru pindah ke situ. So, nak dapat semua itu saya minta— kalau boleh saya minta masa sikit untuk saya kemukakan nanti secara bertulislah.

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Parlimen Malaysia]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ada— okey, nanti *provide* kita dengan maklumat tersebut. Ada juga sewaktu prosiding itu ada menyentuh tentang proses arbitrasi yang sedang berjalan, yang tak boleh nak *expose*, yang melibatkan...

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Parlimen Malaysia]: KDN, KDN dan Prestariang.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ha, KDN dengan Prestariang kan. Jadi, boleh tak *respond on that*?

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Itu pun kita akan bagi sekali nanti, Datuk Pengerusi.

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Sungguhpun apa saya akan cakap ini dah dicakap sebelum ini, tapi nak luahkan perasaan jugalah. *[Ketawa]*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Silakan, silakan.

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Selama prosiding kita buat beberapa siri prosiding ini, selalu disebut sebagai *at no cost to the government*.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Ha, betul.

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Disebut berkali-kali. Kalau tak percaya *check* dalam *Hansard*. Maknanya, *no cost to the government*. Lepas itu okey, kita melalui prosiding kita dengar, kita meneliti, kita memahami keadaan dan lepas itu kita dengar juga kalau tak silap saya isu *or pattern*. Kita tanya juga apa kedudukan kalau sistem itu dipatenkan. Diyakinkan dalam prosiding juga, paten itu tidak menjaskankan apa-apa dan sebagainya, sebagainya.

Lepas itu hari ini kita didengarkan, dimaklumkan bahawa perjanjian dah ditandatangani atas daripada syor daripada PAC juga untuk menandatangani perjanjian itu tetapi kandungan perjanjian itu—ini buat pertama kali kita dengarlah, enam perkara yang disebut tadi tanpa—tidak dimasukkan dalam slaid pun. Pampasan yang diberi ataupun bayaran yang diberi kepada syarikat ini *go beyond*. Kalau saya ingatkanlah, kalau *government negotiate* pun paling kuranglah *interest* itu *should be...*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *Way low, below.*

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Ini insurans pun kita masuk dan kita bayar. Saya rasa teramat sangat terkejut. Pengalaman di mana *government go into a negotiation and government* kena bayar kepada syarikat sehingga *interest* pun kita kena bayar. Jadi, maknanya *the flaw is from day -1*. Perjanjian yang kita sebut-sebut kata, *"at no cost to the government"* digunakan perjanjian itu dan menyebabkan kerajaan berada pada satu keadaan di mana *government has no choice but to agree*. *It's something* yang rasa saya amat mendukacita malah mengecewakanlah. Jadi, saya kena luahkan perasaan ini. *It's a little bit*—bukan *a little bit, is a lot to much*. Terima kasih.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Wangsa Maju, kalau ya pun kita *fight* nanti *court-lah*. *Why* nak kita bayar *RM1.3 billion* tadi?

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Ya.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: *Billion; not even million. Billion.*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Satu lagi, satu lagi sebenarnya dia sudah *charge* BMS ya, *biomedical* ini RM100 di luar. Maksudnya mereka sudah untung di sana dan kemudian dia *charge* kita.

Seorang Ahli: Untung lagi.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Untung lagi.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Sekarang kita bagi dia untung lebih lagi sebab mereka hanya minta RM100 tapi kita bagi RM115. Ini tak masuk akallah untuk kami ya.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: RM215.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Ya, RM215 dan untuk dulu dan masa depan.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: Datuk Wira.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ya, Sandakan.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: Boleh saya tanya siapa dalam jawatankuasa ini ya yang *that approved this top up?*

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: Berkenaan dengan— boleh saya jawab yang tadi itu BMS dulu? Dengan izin YB Datuk Wira, berkenaan dengan BMS ia adalah dua kontrak yang berbeza. BMS ada satu kontrak dan juga FWCMS adalah satu kontrak. Dengan BMS, kita memang dah siapkan kontrak tetapi dengan FWCMS hanya SST sahaja. Itu *two separate contracts-lah basically* ya, dia bukan *charge* yang itu ambil yang ini.

Kemudian berkenaan dengan ahli Jawatankuasa Induk, ia dipengerusikan oleh KSN dengan ahli-ahlinya KSU KDN, KSU KESUMA dan mana-mana ahli yang dirasakan sesuai oleh Jawatankuasa Induk. Di mana Jawatankuasa Induk telah menjemput KP Jabatan Digital, AGC, Ketua Pengarah UKAS.

■1240

Itu merupakan ahli keseluruhan kepada Jawatankuasa Induk.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Mungkin kita minta *list* itu yang *that exact* yang buat *decision-makers for this contract* ini tadi. Kelulusan.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ya minta yang minit mesyuarat. *Provide-kan* kepada kita.

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: Selain daripada induk itu tadi kita juga ada Jawatankuasa Teknikal yang kita nak tengok yang daripada perincian yang tadi itu. Ada wakil daripada AGC, ada wakil KESUMA dan ada juga wakil KDN. Kami akan bagi senarai nama itu secara rasmi, YB Datuk Wira.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Dengan nama sahajalah. Bukan jawatan sahaja sebab ini tukar, sekejap tukar. Dua bulan tukar lain orang kan. *The exact persons.*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: YB Pengerusi, sebenarnya untuk kita imbas kembali apa kontrak FWCMS ini, sebenarnya dia ada banyak modul. Kalau tidak silap saya 26 modul, okey? Tetapi ada sesetengah modul itu pun tidak dilaksanakan, digunakan. *The cost of RM1.5 billion* atau *RM1.6 billion* itu saya rasa adalah satu *inflated numbers* yang— saya rasa kerajaan perlu ada penilaian tersendiri sebelum memasuki sebarang perjanjian yang melibatkan duit yang begitu besar. Jadi saya nak tanya siapa yang buat penilaian dari segi pihak— untuk pihak kerajaan?

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: Untuk makluman YB seperti mana yang dijelaskan tadi penilaian itu dibuat oleh Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Teknikal. Kalau kita tengok YB secara terperinci, pendirian KDN dalam memorandum Jemaah Menteri pada 29 Mei 2024 sangat jelas.

Seperti mana yang telah diterangkan oleh Datuk KSU KDN tadi antara inti patinya kontrak selama tiga tahun. Tetapi *along the way* proses konsultasi itu ada sedikit berlaku perkembangan-perkembangan yang telah dibentangkan oleh syarikat dan kemudiannya mesyuarat pada 26 Julai 2024 telah bersetuju dengan kadar RM215 untuk dimasukkan di dalam kontrak yang baharu.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ada apa lagi? Boleh tak saya tanya? Adakah ini ada setengah pihak mendapat tekanan politik untuk membuat keputusan tersebut? *Tak yah* jawab saya dah tahu dah jawapan. *[Ketawa]* Tapi saya nak ada jawapan juga.

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Yang saya tahu Yang Berhormat Pengerusi, kalau setakat yang saya tahu sejak saya pindah ke KDN ini, perjanjian ini dilaksanakan berdasarkan kepada persetujuan bersama tanpa apa-apa tekanan. Itu yang saya tahu. Tapi yang selebih daripada itu saya tak tahu.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi, jadi perjanjian itu memang kira dah ditandatanganilah? Memang dah ada satu perjanjian ditandatangani dan sebagainya.

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Sudah.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Dimuktamadkan dan *binding*. Okey. Jadi saya nak tahu sebab— sekejap ya. Sebelum ini ada isu tentang— okey, persoalan. Berkennaan dengan tuntutan yang kata berapa RM1.6 bilion. Saya nak tahu pada peringkat mana tuntutan tersebut? Maknanya dah masuk *court* kah ataupun hanya *Letter of Demand* kah, bagaimana?

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Setahu saya tak. Belum masuk lagi. Dia baru nak tuntut. Bestinet baru tuntut dengan kita dan kita cuba mengelakkan daripada masuk ke *court*. Itu yang kita bersetuju dengan tuntutan tadi, Yang Berhormat.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: So bila kata baru dah tuntut itu maksudnya surat tuntutan daripada *lawyer* ataupun dia *just* bagi tahu secara verbal dalam perbincangan?

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: Ada kedua-duanya, YB. Ada daripada surat *lawyer* daripada syarikat dan juga ada surat biasa yang ditujukan kepada AGC ada, kepada KSU ada, kepada TKSU ada di mana *content* surat-surat tersebut hampir sama.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Ada kira cuma tak masuk court cuma ada notis tuntutanlah, *Letter of Demand*-lah daripada— sebab yalah kita bukan apa. Macam kalau kata nak menjadikan satu pertimbangan, lainlah kalau macam dah masuk court. *Maybe* untuk *settle* perkara yang ada dalam mahkamah itu mungkin kita boleh bincang. Mungkin ada pertimbangan.

Tapi saya tengok hanya di peringkat awal. Belum ada apa-apa betul-betul tindakan undang-undang yang diambil. *Then* kita boleh ambil keputusan macam ini. Pada saya, yalah macam apa yang telah dicakapkan, saya rasa macam Tampin cakap pun kalau perlu mungkin kita boleh setuju untuk amaun yang lain. *The rest of it* kita *fight* dalam court. Boleh sahaja perkara seperti itu diambil.

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Setuju YB. Tapi itulah seperti mana yang diperjelaskan tadi di dalam Jawatankuasa Induk ini dah ada Peguam Negara. Kita percaya bahawa Peguam Negara telah meneliti perkara tersebut dan *advise* yang sepatutnya telah pun diberi di dalam Jawatankuasa Induk tersebut.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Saya nak tanya apakah respons pihak kementerian apabila keluar di *Malaysiakini* bertarikh 5 November berkenaan dengan pihak polis *Bangladeshi* yang meminta untuk Kerajaan Malaysia untuk menangkap *founder* syarikat ini iaitu Datuk Amin Bangla ya? Dia panggil nama itu? Dia punya nama dekat sini *is* Aminul Islam Abdul Nor.

Adakah dalam pengetahuan kementerian tentang soal itu? Apakah tindakan daripada pihak kementerian tentang perkara ini kerana difahamkan *founder* tersebut merupakan mempunyai pegangan saham juga di dalam syarikat terbabit?

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Yang Berhormat Pengerusi, berhubung dengan perkara ini kita masih lagi berpegang kepada panduan yang perlu diberikan ataupun kita harap daripada kerajaan. Maknanya daripada pihak yang lebih atas untuk menentukan. Kalau diarahkan untuk *stop*, kita *stop*. Kalau diarahkan untuk terus, kita terus. Bergantung kepada keputusan yang dibuat oleh kerajaan yang ada, Yang Berhormat Datuk.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Yang Berhormat Pengerusi, saya nak tanya *Red Notice* yang dikeluarkan oleh polis di Bangladesh ini kepada Malaysia untuk *to arrest and extradite two businessmen* yang termasuk Aminul Islam dan Ruhul Amin yang merupakan pengasas kepada Bestinet. *Red Notice* ini yang pertama, kedua atau ketiga yang pernah kerajaan terima?

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Setahu saya baru yang pertama, Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Jadi kita nampak bahawa pengasas Bestinet ini sudah dikeluarkan dengan *Red Notice* ini maksudnya sangat serius. INTERPOL pun mahu. Benda ini bukan hari pertama.

Saya pasti KDN sebagai yang menjaga keselamatan dalam negeri sudah tahu tentang isu-isu yang bersangkut-paut dengan pengasas Bestinet ini. Dah lama dah. Tetapi kami juga amat terkejut tiba-tiba kita *extend* bagi satu kontrak yang besar kepada Bestinet sementara kita sudah tau bahawa pengasas itu mempunyai masalah. Ini akan menjelaskan nama baik kerajaan juga atas kes ini.

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Yang Berhormat seperti mana yang saya sebutkan tadi, sebenarnya ini yang kali pertama kita tahu. Kita tak tahu sebelum ini berkenaan dengan perkara-perkara yang didakwa terhadap penama.

■1250

Seperti mana yang saya maklumkan, kita berpandukan kepada panduan semasa yang diberikan oleh kerajaan. Kalau kerajaan berpandangan bahawa perkara ini perlu diberhentikan dahulu atau macam mana, *then* kita *follow*. Di peringkat kementerian kita akan ikut.

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Maknanya, dalam laporan *The Edge* boleh cakaplah, “*The South Asian nation’s police asked that Malaysia’s government temporarily halt its use of software provided by Bestinet, a closely held that Aminul founded*”. So, maknanya polis South Asian pun—South Asian nation pun minta *to hold that system from being used right now*. Itu *request* dia orang. So, *it is something very serious actually*.

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Setuju, Yang Berhormat tapi seperti mana saya kata, pada sayalah, kita tidak boleh berpandukan kepada pihak luar untuk menentukan apa yang perlu kita buat. Kita kena berpandukan kepada kerajaan kita yang menentukan apa yang kita—tindakan yang perlu kita ambil. Kalau kita berpandukan kepada pihak luar, banyak benda yang diminta oleh pihak luar untuk kita lakukan. Pada saya, tidak kena kalau kita ikut apa yang disuarakan oleh pihak luar tersebut. Kita kena ikut apa yang disuarakan oleh kerajaan kita.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, kalau tak ada apa, kita pergi...

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Jadi, perkara ini sekarang berada pada *whose desk* lah sekarang ini? Menteri kah—Menteri?

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Kita setakat ini Yang Berhormat, kita beri kebebasan sepenuhnya kepada PDRM untuk menyiasat dan memberikan nasihat kepada Menteri untuk kita ambil tindakan selanjutnya.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Satu lagi, pengiraan ini berdasarkan 2.7 million, 2.7 orang pekerja asing, right? 2.8. [Dicelah] 2.7 million ya. So, di masa akan datang, tahun depan, tahun depan dan enam tahun akan datang, adakah jumlah ini disangka akan naik daripada 2.7 ke 3.0 kah ataupun 3.5 million? Sebab ia akan memberi kesan kepada jumlah collection yang akan diterima. Pengiraan kita selama ini memang berdasarkan 2.7 sahaja. Kalau dia lebih, maknanya lebihlah dia terima. Adakah *they expected to be more than 2.7 million pekerja asing for the next six years?*

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: YB dengan izin ya, bilangan pekerja asing di dalam negara adalah berpandukan kepada siling yang telah ditetapkan oleh Kementerian Ekonomi. Dia tidak boleh lebih daripada 15 peratus daripada keseluruhan guna tenaga manusia dalam negara. Kalau kita buat perkiraan, secara *figure* asasnya adalah 2.5 juta. So, kita tak boleh lebih daripada jumlah 2.5 juta tersebut. Itu adalah berdasarkan siling yang telah ditetapkan oleh KE. Kita di KDN memang *we follow religiously ceiling imposed on us by KE* tadi dengan izin.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Tapi maksudnya ialah bagi pengiraan yang dimasukkan dalam terma perjanjian itu, apakah jumlah yang diambil kira peningkatan dari tahun ke tahun?

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: *[Tidak jelas]* tersebut kita ambil dalam pengiraan 1.6 bilion tersebut adalah secara pro rata, secara purata.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Purata itu kekal sehingga enam tahun yang akan datang?

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: Tahun yang akan datang, seperti mana yang telah dijelaskan, ada siling 15 peratus. Berdasarkan pengiraan sekarang, jumlah pekerja asing tidak boleh melebihi 2.5 juta.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Pengerusi, saya tadi— boleh minta terangkan sedikit? Tadi kita *sign* enam tahun tetapi *subjected to NIISe* dalam tiga tahun. Betul ya? Jadi, kalau NIISe sudah siap, katakan dalam satu tahunlah, maka FWCMS akan *stop*. Maksudnya, FWCMS akan *stop* operasi dan caj RM215 itu akan berhenti juga atau dipindah kepada NIISe dan bayar semula kepada FWCMS? Itu boleh tolong terangkan kepada jawatankuasa?

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: Berkennaan dengan cadangan yang akan ditamatkan sekiranya NIISe itu dah siap, itu adalah cadangan asal sebagaimana yang dikemukakan oleh KDN dalam Memorandum Jemaah Menteri pada 29 Mei. Tetapi, bila kita berunding, sepanjang tempoh perundingan tersebut, perkara tersebut sudah tidak ada dalam klausa kontrak yang kita *sign* sekarang kerana kita bagi hak eksklusif kepada syarikat untuk membuat kutipan *renewal* dan

juga PLKS tahun pertama. Yang YB rujuk itu tentang kalau ada NIISe kita batalkan, itu adalah cadangan asal Kementerian Dalam Negeri berdasarkan MJM 29 Mei.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Okey. Jadi, FWCMS akan tetap berjalan walaupun NIISe dibangunkan? NIISe memang bakal dibangunkan kan? *[Dicelah]* Oh, NIISe bukan satu sistem yang *overall* yang ambil alih semua sistem imigresen, pekerja asing dan sebagainya?

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [Kementerian Dalam Negeri (KDN)]: YB, saya Makhzan Mahyuddin, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Kawalan). Untuk makluman, kita dah mula menandatangani kontrak— telah melantik syarikat untuk melaksanakan NIISe.

Untuk makluman, NIISe adalah satu sistem yang menyeluruh bagi imigresen termasuk kawalan pintu masuk, termasuk ekspatriat, termasuk pekerja asing dan dia ada banyak komponen yang ada. *Then* pekerja asing ialah satu komponen daripada banyak komponen dalam NIISe tersebut.

Begini juga bila NIISe berjalan, komponen yang akan terus dilaksanakan untuk FWCMS sampai enam tahun dan selepas enam tahun, komponen dalam NIISe tersebut akan mengambil alih komponen dalam FWCMS tersebut. So, kawalan pintu masuk dan ekspatriat dalam pengeluaran pasport, dalam semua yang lain itu akan berjalan dalam NIISe tersebut. Tetapi yang komponen untuk FWCMS hanya sebahagian kecil untuk pekerja asing sahaja, untuk pengeluaran PLKS atau ePASS tersebut.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Boleh bagi tahu tak susulan daripada jawapan tuan tadi, bila tarikh yang tandatangan itu dan berapakah syarikat yang dapat kontrak tersebut dan nama syarikat tersebut?

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: Okey. Sekarang ini belum ada tandatangan tapi kita dah membuat SST kepada HeiTech Padu dengan nilai RM858— *figure* itu *[Dicelah]* RM858 juta tersebut.

Untuk tempoh pembangunan, dia ada beberapa peringkat dan saya boleh bagi *detail* tempoh pembangunan tersebut. Pembangunan pertama yang kita cadangkan ialah untuk kawalan pintu masuk dan diteruskan dengan pembangunan-pembangunan yang lain secara berperingkat untuk kontrak ini. So, bermakna pembangunan FWCMS— pekerja asing, akan berada di bawah pembangunan yang agak *latter* daripada pembangunan kawalan pintu masuk tersebut.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Nanti boleh kongsikan dengan pihak PAC benda tersebut. Terima kasih.

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: Boleh kita kongsikan semua sistem yang akan dibangunkan dalam NIISe tersebut dan tempoh-tempoh pembangunan yang telah dicadangkan untuk NIISe tersebut.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Yang Berhormat Pengerusi, saya nak tanya tentang NIISe ini, dia *total development cost* adalah berapa?

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: *Total development cost* adalah RM858 juta.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Okey. So, RM859 juta...

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: RM858.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: RM858, okey. Jadi saya nampak bahawa NIISe ini, memang *nice* lah sebab dia *whole ecosystem* daripada pintu masuk *bla, bla, bla*, RM858 juta sahaja. Tetapi, FWCMS ini hanya *one part* tetapi sekarang dia caj RM1.6 bilion. *Why it is so?*

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: Untuk makluman YB, NIISe tersebut, pembangunan RM858 juta tetapi selepas pembangunan selesai, perkara yang paling utama yang perlu mengambil kira adalah proses untuk menyelenggara sistem tersebut. Sebab dalam sistem tersebut, dia akan ada evolusi begitu cepat. So, proses untuk penyelenggaraan tersebut, kita perlu ada satu konteks yang berasingan sama ada akan dilaksanakan sendiri oleh kerajaan ataupun akan *outsource*-kan kepada syarikat untuk menyelenggara sistem tersebut.

■1300

So, sistem tersebut, pembangunan sahaja dia RM458 juta tetapi untuk menyenggara kontrak tersebut mempunyai satu kos yang agak besar kerana sistem ini adalah satu sistem yang terlalu kompleks, melibatkan– beroperasi 365 hari dan 24 jam. So, bermakna kita tidak boleh ada *hiccup* satu walaupun untuk tempoh yang sekejap, untuk pembangunan ini.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Terima kasih atas pencerahan. Tetapi, saya pun rasa sedikit macam *confuse* lah sebab kalau kita buat, kita buat sekali semua lah, kan? NIISe itu kita buat, *kasi* semua tetapi kita *carved out* FWCMS, tunggu enam tahun, barulah pakai modul NIISe. Ini pada saya tak beberapa masuk akal lah, kerana *why not... [Dicelah]*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Bayan Baru, mungkin pada ketika itu, dah *oudated* dah sistem tersebut sebab tak nampak apa. Dah *lapsed*, ya.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: FWCMS? Ya. Boleh bagi sedikit penjelasan tentang isu ini?

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: Okey. Untuk makluman, kalau saya boleh berpatah balik kepada sistem sekarang, sistem imigresen yang sedia ada sekarang ini ialah satu sistem imigresen. Tetapi, kita *integrate*-kan dengan sistem-sistem yang di luar. So, kegunaan untuk *integrate* masih ada sebab enjin utama masih berada di sistem imigresen sedia ada. So, kita *integrate* dengan sistem yang ada.

Begini juga dengan sistem NIISe yang baru tersebut. Bermakna, kita membenarkan *integration* berlaku dengan itu. So, untuk tempoh nak sampai enam tahun tersebut, bermakna sistem daripada FWCMS akan di-*integrate* dengan sistem NIISe dan selepas enam tahun berlalu dan kita akan *cut-off integration* tersebut. Bermakna, semua proses akan berlaku dalam sistem NIISe. Itu yang akan untuk dilaksanakan sebab kita pun belum tahu dari pembangunan sistem NIISe sama ada akan ada tiga tahun, empat tahun apa semua tetapi *that's why* yang KDN mencadangkan supaya kita sehingga siap pembangunan tersebut, kontrak itu tamat.

Tetapi, selepas perundingan-perundingan berlaku dan ditetapkan tempoh enam tahun, mungkin mengambil kira bahawa pembangunan sistem NIISe, fasa-fasa untuk tujuan tersebut akan melangkaui tempoh-tempoh tersebut. So, *that's why* kita laksanakan perkara tersebut.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Tuan Pengerasi, saya nampak– *I mean, from a layman* lah, *of course* ini adalah keputusan kerajaan ya. *From a layman*, saya nampak bahawa FWCMS macam– dia macam dapat, *you know*, dia macam anak yang paling unik lah. *The very good, you know*. Dia dapat *special treatment* lah, okey. Sepatutnya, kita– keputusan Kabinet April itu, dia beritahu bahawa tiga tahun, selepas itu NIISe *take over* lah. Tetapi sekarang, bukan sahaja keputusan Kabinet itu tidak diguna pakai tetapi dilanjutkan dengan tiga tahun lagi. Jadi, total jadi enam tahun. *To me, I think FWCMS is really getting a very good deal* lah dari segi itu.

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: YB, berkenaan dengan perkara tersebut, memang ada Memorandum Jemaah Menteri pada 29 Mei. Kemudian, kita kena baca bersekali dengan Nota Jemaah Menteri yang dibentangkan oleh KSN sendiri pada 14 Ogos 2024 di mana cadangan-cadangan yang terkandung dalam 29 Mei tersebut, ada yang telah berubah di dalam Nota Jemaah Menteri pada 14 Ogos 2024 tersebut.

So, kita bukan melanggar tetapi tidak ada istilah melanggar apa yang telah diputuskan oleh Kabinet kerana ada keputusan baharu pada 14 Ogos tersebut, YB.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Kalau tak ada apa soalan lagi, kita—ada?

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Satu soalan saja.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Saya nak pengesahan ataupun pemahaman. Asal kontrak sistem ini ialah RM1.049 bilion ya? Asal lah, SST yang asal itu. Tetapi, oleh kerana mereka tidak memungut selama enam tahun yang lepas sehingga tempoh tamat 2024, maka *compensation* RM1.63 bilion.

Now, dengan kadar yang baharu dengan RM215 *per head*, kali dengan *let's say, RM2.5 million ceiling per year times six year*, dia dah jadi—berapa saya kira tadi? *RM3.2 billion*. Adakah benar perkiraan saya itu dan kalau ia benar, maknanya dia sudah terlalu jauh, tiga kali ganda daripada harga asal kontrak FWCMS ini.

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: YB, berkenaan dengan kadar RM215 bagi setiap PLKS tersebut, dia bukan sahaja untuk menampung apa yang telah syarikat rugi berdasarkan kepada kontrak asal, daripada 2018 kepada 2024 tersebut. Tetapi, dalam RM215 tersebut, terdapat juga elemen pembayaran berkenaan dengan pembangunan sistem oleh Syarikat Bestinet. Kerana dahulunya kita tidak menggunakan semua modul yang ditawarkan tetapi kontrak yang kita telah tandatangani pada 3 September, kita menggunakan hampir 95 peratus modul-modul yang telah ditawarkan oleh—di dalam FWCMS tersebut.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi, saya nak minta pencerahan sedikit sahaja. Tadi, disebut siling pekerja asing tak lebih daripada 15 peratus, kan? Dan lagi satu siling juga tak lebih daripada 2.5 juta. Betul tak? *Whichever comes first* lah?

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: Dia 15 peratus itu adalah siling berdasarkan kepada jumlah tenaga kerja di Malaysia.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Ya, saya tahu.

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: So, berdasarkan kepada tersebut, kalau kita *convert*-kan peratus itu kepada nilai *absolute*, dia akan jadi 2.5 juta.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tetapi, sekarang dah 2.7 juta, kan? *Foreign workers*. Sekarang, *foreign workers* di Malaysia dah mencapai 2.7 juta. Itu yang *legal* lah. Yang tak *legal* itu, tak boleh kira lah, kan? So, *why 2.7 million*, kita lebih daripada 2.5 juta? You faham tak?

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: Okey. YB... *[Dicelah]*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *That total workforce* dalam *16.7 million*. *16.7 million total workforce in the country*.

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: YB, kita... *[Dicelah]*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: That's why, we take 15 percent, 2.5 million.

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: Itu YB... *[Dicelah]*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tetapi now, kita dah start capai 2.7 juta.

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: YB, kita ada— *that's the ceiling* yang kita... *[Dicelah]*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Nak minta pencerahan saja. Bukan *complaint*, tak.

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: YB Pengerusi, itu jumlah siling yang ditetapkan oleh kerajaan. Tetapi, dasar-dasar semasa akan menentukan bilangan pekerja asing dan yang akan digunakan. So, sekarang ini bila kita ada bilangan PATI yang ramai dan kita telah membuat program pemutihan.

Dalam program pemutihan tersebut, maknanya siling 2.5 masih berada tetapi *because* ada ramai— ini, kita buat pemutihan. Dalam pemutihan itu, bilangannya telah mencecah kepada 2.7 peratus tetapi sekarang ini, kita dah bekukan— telah tamatkan program pemutihan tersebut dan kita bekukan. So, sekarang *that's why* kita dah tak buat pengambilan pekerja asing baharu, yang telah diputuskan kerana kita— *figure* sekarang ini ialah *figure* yang ideal berdasarkan kepada siling yang telah ditetapkan oleh Kementerian Ekonomi.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Okey. Saya ini nak tanya saja lah. *What basis in* kita tetapkan 15 percent itu? *What is the basis?*

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: Apa yang menjadi asas kepada KE dalam penetapan 15 peratus, sebenarnya kita nak *cut our dependency on foreign workers*, terutama yang melibatkan *low-skilled*. Sebab itulah, ia perlu dibaca dengan polisi KESUMA yang baharu, yang mana 1 Januari 2025, akan ada *multi-tier levy*, yang bermaksud kalau lebih banyak kita *hire* pekerja asing, lagi tinggi kita kena bayar levi.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Lagi banyak.

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: Dan peningkatan minimum berdasarkan levi sekarang dengan levi yang akan dibayar pada 1 Januari, minimum kenaikan adalah RM300.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: So, to discourage lah?

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: Ya, ya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Memang elok, memang elok.

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: Sebab kita bukan lagi macam Malaysia 80an yang mana bergantung untuk eksport raw. Sekarang ini, kita fokus untuk *high-value added products*. So, kita tak perlukan ramai pekerja-pekerja asing yang berskil rendah ini, YB dengan izin.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Memang itu satu *step at the right direction* lah. Tetapi lagi *lower*, lagi bagus lah *because* kita banyak masalah lain dengan warga asing. Terima kasih.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Tuan Pengurus, saya nak minta pencerahan yang sistem NIISe dengan FW CMS ini.

■1310

Lepas enam tahun dia akan di-converge, di-combine. *He said something like that.*

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: YB, apa ini sistem NIISe dibina adalah satu sistem yang lengkap yang termasuk juga sistem pengurusan pekerja asing. So, enjin dia adalah boleh berdiri sendiri atau enjin dia boleh kita *integrate* dengan enjin yang lain di luar. *That's what* sistem NIISe yang dibina tersebut. *Meaning to say that* selepas enam tahun, selepas dah tidak ada *pump in* data-data maklumat atau proses daripada sistem luar, bermakna sistem luar akan ditamatkan dan sistem NIISe akan boleh bergerak dengan sendirinya.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: So, dua sistem ini akan disatukan enam tahun nanti. Adakah dia melibatkan vendor-vendor yang berlainan? Sebab *different vendor* dia set up *different system* dan *different* dia punya *programming*. Adakah ia boleh di-synchronise?

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: Boleh, boleh. Dia diintegrasikan bermakna sistem yang kita buat sekarang ini macam yang saya maklumkan, sistem imigresen sekarang ini ialah satu sistem yang boleh diintegrasikan dengan mana-mana sistem. Bila ada kekurangan, keperluan yang di pihak-pihak tertentu yang untuk ini dan kita minta integrasikan. Contoh yang paling ini bila COVID-19—masa tahun 2019 bila COVID-19 dan kita nak membuat semakan kepada *travellers* yang datang dan kita menggunakan MySejahtera.

So, bila dia gunakan MySejahtera, MySejahtera kita akan *integrate*-kan dengan sistem kita bermakna dia akan masuk dan *checking* berlaku di MySejahtera tetapi kebenaran dilaksanakan dalam sistem imigresen. So, *that's the system* yang kita bina adalah satu sistem yang boleh menerima integrasi dengan sistem-sistem yang lain.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Terima kasih pencerahan.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Dengar macam baguslah, gah ya. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Sebab nak buat sistem ini satu perkara yang sangat kompleks ya kalau kita dengar NIISe punya ini. Bila jangka dia akan mula ya ini? Ini *just* nak tengok sahaja. Bila jangka dia akan mula? Sebab kita nak JV-kan itu, nak *integrate*.

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: Itu saya maklumkan bahawa sekarang ini fasa pertama yang kita jangka ialah pada 2017 untuk kawalan pintu masuk dulu, YB Pengerusi. *[Dicelah]* 2027 untuk pintu masuk itu. Sekarang ini sebab kita nak menguatkan kawalan di pintu masuk, *that's why*. Sebab yang sistem-sistem lain akan kita akan *follow* secara berfasa. Itu yang kita perancangan. Sebab sistem ini terlalu besar, terlalu besar dan kita buat berfasa dan kita nampak keutamaan sekarang ini ialah dari segi kawalan pintu masuk supaya sistem ini stabil dan kita dapat memastikan bahawa semua semakan di pintu masuk dapat dilaksanakan dengan sempurna, YB.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Sebelum saya nak masuk syor dua, saya cuma nak *put on record*-lah sebab bila kata sistem ini besar dan keupayaan KDN juga—keupayaan dan juga kredibiliti KDN juga harus diperkasakan supaya dapat *handle* perkara ini sebab kita tak nak akan datang pula, kita panggil pula sistem ini ke dalam PAC. *Just* saya nak masukkan dalam rekod sahaja. Jadi, kena laksanakan dengan betul dan juga *handle* benda ini dengan sebaik mungkin. Itu sahaja. Okeylah. Ada *last*—oh. Kita syor yang pertama sahaja.

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: *Last, last, last.*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, saya bagi Wangsa Maju *then* Bayan Baru.

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Saya nak pastikan *numbers* sahaja. *Assumption* ataupun andaian diambil untuk dapat RM1.6 bilion itu adalah kiraan 2.7 juta kali RM100, kali enam tahun. Betul ya? Jadi, itu 2.7 juta, kali RM100, kali enam tahun untuk dapat RM1.3 bilion lebih, lepas itu campur *interest* jadi RM1.6 bilion. *What is the actual number per head* yang masuk daripada 2018 hingga 2024 setiap tahun?

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: Dia berdasarkan perkiraan, YB, jumlah yang masuk pada 2018 sehingga 2024 seperti mana yang di-quote di dalam beberapa surat adalah sebanyak 13,200,154. 13 juta...

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: 132?

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: 13,200,154.

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Itu rekod yang masuklah? *The actual/masuk then you divide by six*, dapat yang 2.7 juta? Yang masuk pada di antara 2018 hingga 2024 itu 1320...

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: 20154

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Yalah. 1.3 million-lah?

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: 13 juta.

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Oh, 13 juta.

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: 13,200,154 juta.

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Okey, okey. *All right.*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Tuan Pengerusi, saya nak tanya tentang NIISe dan juga FWCMS. Kalau katakan projek ini dijalankan lepas kita bayar untuk NIISe RM858 juta, kita bayar. Adakah ia menjadi hak milik Kerajaan Malaysia? Begitu juga dengan FWCMS selepas enam tahun dia menjadi hak milik Kerajaan Malaysiakah macam mana? Terima kasih.

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: Untuk FWCMS, YB, sebab kita *lesson learnt* daripada teguran-teguran. So, dalam kita masukkan terma-terma yang untuk menjaga *interest* kerajaan. Antaranya, pemilikan *source code*, pemilikan *Super ID* dan beberapa lagi yang berkaitan dengan IT supaya sistem tersebut adalah hak milik kerajaan dan kita boleh pinda sebab kita ada dua elemen tadi itu, *Super ID* dan juga *source code* kepada sistem tersebut, YB.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Jadi, lepas enam tahun baru milik Kerajaan Malaysia atau sekarang sudah milik Kerajaan Malaysia?

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: Dia bila kita tandatangan, itu adalah milik kerajaan sebab itu kita minta dia serahkan *source code* itu seawal mungkin terutama bila kita telah *signed User Acceptance Testing* (UAT) seperti mana yang telah dijelaskan oleh Datuk KSU sebentar tadi iaitu bermula pada 1 November, YB.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *All right.* Kita teruskan kepada syor kedua.

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Izinkan saya teruskan dengan syor yang kedua iaitu KDN perlu memastikan sebarang perolehan berkaitan ICT dirujuk kepada dasar dan peraturan sedia ada yang berkuat kuasa oleh Jabatan Digital ataupun dahulu dikenali sebagai MAMPU.

Untuk makluman, KDN mengambil maklum syor tersebut dan sentiasa mematuhi pekeliling dan peraturan perolehan ICT yang berkuat kuasa dan

dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dan Jabatan Digital Negara. Konsultasi bersama Jabatan Digital Negara telah dilaksanakan semasa kerajaan memuktamadkan kontrak baharu FWCMS. Antara pandangan yang telah dikemukakan oleh JDN ialah berkenaan dengan isu pemilikan *source code* yang seharusnya menjadi hak milik kerajaan sepenuhnya.

Elemen pemilikan *source code* merupakan elemen wajib di dalam mana-mana klausa perolehan kerajaan bagi mengelakkan keadaan *overdependency* yang boleh merugikan kerajaan. Pandangan lain JDN adalah berkaitan dengan pemilikan *Super ID* oleh pegawai-pegawai kerajaan yang dilantik. Ia juga adalah antara elemen penting yang telah diberi perhatian khusus di dalam kontrak yang baharu. Pemilikan *Super ID* ini merupakan langkah pencegahan bagi mengelak dan mencegah sebarang intrusi oleh individu-individu yang tidak diberikan kuasa untuk meluluskan kuota.

Dalam hal ini, antara penambahbaikan yang dibuat ialah *Super ID* bagi pihak kerajaan bukan sahaja untuk pemantauan *dashboard* tetapi juga *unlimited access* kepada keseluruhan sistem bagi tujuan intervensi sekiranya diperlukan. Memandangkan tempoh kontrak ini berjalan selama enam tahun, isu penaiktarafan sistem juga telah dimasukkan di dalam salah satu terma kontrak di mana syarikat dikehendaki menaik taraf sistem dan penggantian perkakasan sekurang-kurangnya sekali dalam masa tiga tahun.

Klausa ini dimasukkan memandangkan *maximum lifespan* untuk sesuatu teknologi termasuklah *software* dan *hardware* adalah tidak melebihi tiga atau empat tahun sahaja. Mengambil kira bahawa sistem ini adalah merupakan kali pertama digunakan oleh KDN, latihan yang mencukupi perlu diberikan bagi tujuan *system familiarisation*.

■1320

Latihan ini juga perlu melibatkan pegawai-pegawai dari kementerian dan agensi lain terutama pegawai dari Kementerian Sumber Manusia, Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia dan agensi kawal selia seperti Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dan Kementerian Perladangan dan Komoditi.

Selain daripada KDN, penglibatan agensi lain selain daripada KDN ini adalah penting kerana setiap agensi mempunyai peranan yang spesifik di dalam setiap modul yang ada di dalam sistem FWCMS sebagai contoh modul eQuota yang melibatkan bukan sahaja KDN tetapi juga KESUMA. Penglibatan mereka akan memastikan *workflow system* dapat berjalan dengan lebih efektif dan efisien.

Selain itu, mesyuarat penyelarasan berkenaan dengan pelaksanaan FWCMS telah diadakan dengan dihadiri oleh Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Imigresen Malaysia, Kementerian Sumber Manusia dan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia pada 2 Oktober 2024. Lanjutan daripada itu, Kementerian Dalam Negeri telah mengeluarkan dua surat yang memperincikan tindakan yang perlu diambil oleh Jabatan Imigresen terutamanya melibatkan modul-modul penting iaitu eVDR dan ePLKS. Surat tersebut bertarikh 21 Oktober 2024 bagi modul eVDR manakala 23 Oktober 2024 pula arahan untuk Jabatan Imigresen Malaysia menyelesaikan *User Acceptance Test (UAT)* bagi modul ePLKS.

Antara hala tuju penambahbaikan lain yang dilaksanakan oleh KDN adalah mewujudkan garis panduan SOP bagi pelaksanaan *proof of concept* (POC) penilaian ICT pada 19 Jun 2023. Antaranya bertujuan untuk yang pertama menjelaskan tadbir urus SOP POC yang komprehensif, telus dan menguji nilai kesesuaian produk atau *solution* kepada jabatan ataupun agensi.

Yang kedua, memberi panduan kepada jabatan ataupun agensi yang memerlukan penilaian dan ujian nilai sesuatu produk atau *solution* yang ditawarkan oleh syarikat pembekal. Yang ketiga, mengenal pasti peranan dan tanggungjawab semua pihak yang terlibat dalam pemakaian SOP POC. Keempat, menetapkan kaedah penilaian serta pengujian produk atau *solution* yang ditawarkan syarikat dengan lebih efektif dan seragam.

Dalam hubungan yang sama juga, KDN serta jabatan ataupun agensi telah menggunakan pakai tatacara pelaksanaan tata kelola pengurusan dan perolehan projek ICT bagi Rancangan Malaysia Ketiga Belas yang dikeluarkan oleh JDN bagi memastikan perolehan berkaitan ICT dikeluarkan dengan— dilaksanakan dengan teratur.

Seterusnya Yang Berhormat Pengerusi bagi syor yang ketiga, KDN hendaklah membetulkan kecelaruan yang berlaku dalam proses perolehan dan mencari jalan penyelesaian dengan segera. Untuk makluman, proses rundingan perolehan telah dilaksanakan melalui Jawatankuasa Induk yang telah dipersetujui oleh Kabinet.

Selain itu, penggunaan modul-modul yang terdapat di dalam FWCMS adalah berdasarkan persetujuan di antara Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Sumber Manusia, Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia dan juga agensi kawal selia sebagai contoh bagi sektor perkhidmatan ialah KPDNHEP, sektor perladangan Kementerian Perladangan dan sektor pertanian ialah Kementerian Pertanian.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi membetulkan kecelaruan perolehan sistem FWCMS ini, KDN pada 26 September 2024 telah memohon daripada Kementerian Kewangan pengecualian proses perolehan berdasarkan proses yang berkuat kuasa bagi penentuan kaedah perolehan sistem FWCMS.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, KDN sentiasa menambah baik tatacara perolehan semasa dengan memastikan perkara-perkara melibatkan perolehan hendaklah melalui semakan dan perakuan di peringkat dasar sebelum dikemukakan kepada urus setia di bahagian perolehan. Bagi tujuan ini, KDN telah mengeluarkan SOP Dasar Perolehan Awam KDN bagi bahagian, jabatan, agensi di bawah KDN pada 9 September 2024 bagi menjelaskan proses perolehan bekalan dan perkhidmatan di KDN serta peranan dan tanggungjawab pegawai berkaitan bagi memastikan perancangan dan tadbir urus pelaksanaan perolehan yang lebih teratur, berkesan dan memenuhi keperluan bahagian, jabatan dan agensi.

Antara kandungan SOP berkenan adalah melibatkan carta alir proses, tindakan dan dokumen-dokumen yang perlu disediakan oleh bahagian, jabatan, agensi di bawah KDN bagi memastikan semua pihak jelas mengenai tatacara dan proses yang perlu dilaksanakan dan dipatuhi. Hal ini bagi memastikan proses perolehan dilaksanakan dengan teratur, selaras dengan ketetapan prosedur semasa yang berkuat kuasa.

Selain daripada itu, KDN juga telah mengeluarkan SOP bagi pengurusan dan pelaksanaan projek pembangunan KDN bertarikh 10 September 2024 yang menjelaskan penambahbaikan terhadap tatacara dan proses permohonan, pelaksanaan dan penilaian projek di bawah peruntukan pembangunan yang mana antaranya menekankan peranan bahagian dasar, jabatan dan agensi di peringkat kementerian sama seperti SOP bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan yang dijelaskan sebentar tadi.

Datuk Wira Mas Ermeyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Saya nak tanya fasal perolehan. Merujuk pada yalah, penerangan sebentar tadi juga pegawai sebelum ini menyatakan tentang sistem NIISe yang diperolehi oleh HeiTech Padu, boleh tidak jelaskan pada PAC adakah ia melalui proses tender terbuka ataupun bagaimana?

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Tolong siapa yang boleh ini, ada maklumat?

Datuk Wira Mas Ermeyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Sebab kita tengok ini SOP dah buat 9 September. Untuk wujud SOP Pengurusan Pelaksanaan bawah Projek Pembangunan KDN... *[Dicelah]* 10 September.

Datuk Nor Muhamad bin Che Dan @ Che Din [Kementerian Dalam Negeri (KDN)]: Okey. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Nama saya Nor Muhammad daripada KDN, Bahagian Perolehan. Untuk maklumat, untuk projek NIISe kita akan buat— dah buat secara pra kelayakan yang mana berkuat kuasa pada 18 Oktober 2024.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Boleh jelas boleh tak? Tidak berapa *clear*. Lagi sekali.

Datuk Nor Muhamad bin Che Dan @ Che Din [KDN]: Projek tersebut diadakan secara pra kelayakan.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Apa?

Datuk Nor Muhamad bin Che Dan @ Che Din [KDN]: Pra kelayakan.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Pra kelayakan.

Datuk Nor Muhamad bin Che Dan @ Che Din [KDN]: *It means open tender* juga. *Then*, SST telah pun dikeluarkan berkuat kuasa pada 18 Oktober 2024.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ya, berapa syarikat yang masuk untuk ini?

Datuk Nor Muhamad bin Che Dan @ Che Din [KDN]: 15 syarikat di peringkat pertama dan tiga syarikat berjaya di peringkat yang kedua.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Boleh bagi tiga syarikat itu? Siapa? Ada dokumen?

Datuk Nor Muhamad bin Che Dan @ Che Din [KDN]: Pegawai saya akan bantu.

Puan Siti Zubaidah binti Abdul Latif [Kementerian Dalam Negeri (KDN)]: *Assalamualaikum* YB. Tiga syarikat tersebut ialah HeiTech Padu, Dagang Net dan juga Theta. HeiTech Padu, Dagang Net dan juga *Theta. Theta. T-H-E-T-A. Theta Technology*.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Theta?*

Puan Siti Zubaidah binti Abdul Latif [KDN]: Yes.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Siapa nama pegawai yang bercakap ini?

Puan Siti Zubaidah binti Abdul Latif [KDN]: Saya Siti Zubaidah Abdul Latif, Bahagian Perolehan KDN.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Yang 15 syarikat yang masuk itu boleh bagi juga ke tak?

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Bagi senarai dia. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Siti Zubaidah binti Abdul Latif [KDN]: Okey, nanti saya akan lampirkan.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Tapi tadi kata maksudnya pra kelayakan itu macam mana dia punya proses ya? *Just* nak tahu sahaja. Adakah ada tender terhad ke apa ke?

Puan Siti Zubaidah binti Abdul Latif [KDN]: Dia merupakan tender terbuka pra kelayakan di mana di peringkat pertama YB, di peringkat pertama kita buat taklimat dan syarikat— dia ada syarat-syarat dialah yang telah ditetapkan oleh jawatankuasa dan juga diluluskan di Mesyuarat Lembaga Perolehan.

So, dan kita bentangkan, kita buat taklimat ada lebih kurang 60 lebih syarikat yang hadir taklimat dan mereka beli dokumen tender sebab bila kita buat pra kelayakan ini dia secara manual, so dia beli dokumen tender dan seterusnya 15 syarikat yang betul-betul masuklah tender dan kita buat penilaian.

So, selepas penilaian tersebut di peringkat pertama diputuskan lagi di Mesyuarat Lembaga Perolehan dan di-shortlist-kan berdasarkan syarat-syarat pra kelayakan peringkat pertama mereka melepassi untuk masuk ke peringkat yang kedua.

Peringkat yang pertama ini lebih kepada modal, keupayaan syarikat dan sebagainya ada beberapa syarat.

■1330

Di peringkat yang kedua ini, kita lebih kepada fokus kepada *technicality of the project*. Okey.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Terima kasih. Ada apa-apa nak tanya soalan untuk ini?

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Tuan Pengerusi, saya nak tanya pada 26 September 2024, KDN telah memohon daripada Kementerian Kewangan pengecualian proses perolehan berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa bagi penentuan kaedah perolehan FWCMS. Boleh terangkan lebih *detail* tentang ini?

Puan Siti Zubaidah binti Abdul Latif [KDN]: Kita mohon pengecualian tatacara perolehan pada 26 September memandangkan kontrak telah ditandatanganilah.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Saya tak berapa fahamlah.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Tak faham.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Boleh terangkan lebih lanjut.

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Dr.

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: Okey. Berkenaan dengan permohonan pengecualian tersebut antara yang terkandung dalam permohonan kita

Yang Berhormat adalah seperti untuk Kementerian Kewangan menyediakan peruntukan bagi tujuan pembayaran. Dalam permohonan tersebut juga ada beberapa perkara sebagai contoh, berkenaan dengan keperluan untuk kita membuat kajian pasaran dan antara elemen lain adalah berkenaan dengan sijil pengesahan peruntukan yang kami tidak buat sebelum ini.

Kemudian, kita angkat kepada MoF untuk persetujuan antara lainnya adalah untuk bajet disediakan kerana sistem telah pun diguna pakai pada 1 November.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Ini bermaksud bahawa proses perolehan ini— saya tak berapa fahamlah, saya terangkan apa yang— *what I get* lah ya. Maksudnya, nombor satu sistem perolehan ini dia menjadi *direct nego*, dia bukan tender terbuka ya? Kedua adalah minta peruntukan yang lebih besar di mana belum dibajetkan oleh MoF. Betul, ya MoF? Boleh komenkah tak tentang ini, MoF?

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: TKSP.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Datuk TKSP.

Tuan Ramzi bin Mansor [MoF]: Okey. Kalau ikut secara logiknya dia meminta peruntukan bermakna peruntukan tak ada lagilah. Kalau dah ada dia tak akan mohon.

Beberapa Ahli: Betul.

Tuan Ramzi bin Mansor [MoF]: Dengan kata lain tak ada *allocation* lah. Apa yang saya fahamlah.

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Datuk Pengerusi, itu yang sebenarnya kita laksanakan berdasarkan kepada syor daripada PAC kita perbetulkan semula. Memang betul kita mengaku bahawa di peringkat awal ada ketidak— kecelaruanlah, kecelaruan yang berlaku dalam proses perolehan ini. Jadi, selaras dengan syor yang dikemukakan oleh PAC, kita cuba memperbetulkan semula dengan minta pengecualian daripada MoF berhubung dengan perkara-perkara tadilah.

Contohnya, macam tak ada— waktu kita minta itu— waktu kita buat perolehan itu tak ada pengesahan peruntukan dan sebagainya. So, kita minta pengecualian daripada ada benda itu supaya perolehan itu teratur. So, itu yang kita buatlah.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, terima kasih.

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Tak, saya nak jelas fasal HeiTech Padu tadi ya. 60 syarikat lebih datang untuk *pre-Q briefing*, betul ya? Lepas itu 15 daripada 60 lebih itu, beli dokumen dan *submit* dia punya dokumen. Betul ya? Daripada 15 yang *submit* dokumen dia, tiga memenuhi semua syarat dan selanjutnya yang tiga syarikat ini mengemukakan dia punya *bid* lah, *tender bid*. Betul, ya?

Maknanya, *the final stage* itu tiga syarikat yang *submit bid* dia oranglah. Betul? Jadi, daripada tiga— betul ya?

Daripada tiga ini HeiTech Padu yang terendah kah, tertinggi kah *because* dari segi teknikal dan keupayaan kewangan dah dinilai sebelum itu, jadi yang tiga syarikat yang mengemukakan *bid* dia orang apa kriteria yang sehingga HeiTech Padu dapatlah. Maknanya terendah kah, ter, ter apa? Terima kasih.

Puan Siti Zubaidah binti Abdul Latif [KDN]: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tersebut. Hasil penilaian di peringkat yang kedua, HeiTech Padu memang yang tertinggilah dari segi teknikal dan juga keseluruhannya. Sebab kita ada lagi elemen teknikal dan juga elemen kewangan tapi sedikit sahaja lebih kepada teknikal dan *in total* memang HeiTech Padu *number one* dari segi ranking dan juga penilaianlah.

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Stage two punya penilaian *is both technical...*

Puan Siti Zubaidah binti Abdul Latif [KDN]: Yes.

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: ...And financial juga.

Puan Siti Zubaidah binti Abdul Latif [KDN]: Ada. Akan tetapi sebab yang pertama itu hanyalah dari segi modal, modal berbayar untuk peringkat yang pertama. Bila yang kedua itu, kita akan lihat dari segi keupayaan syarikat tersebut.

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Okey. Dari segi poin yang dia dapat yang paling tinggi.

Seorang Ahli: Paling tinggi.

Puan Siti Zubaidah binti Abdul Latif [KDN]: Yes.

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Poin.

Puan Siti Zubaidah binti Abdul Latif [KDN]: Yes.

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Soalan saya dari segi *position* dia *with the regards to technical capability* nombor berapa daripada tiga ini?

Puan Siti Zubaidah binti Abdul Latif [KDN]: Technical number one.

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Number one.

Puan Siti Zubaidah binti Abdul Latif [KDN]: Yes.

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Dari segi kewangan?

Puan Siti Zubaidah binti Abdul Latif [KDN]: Kewangan *number two if I am not mistaken.*

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Second highest lah?

Puan Siti Zubaidah binti Abdul Latif [KDN]: In total number one.

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Overall number one?

Puan Siti Zubaidah binti Abdul Latif [KDN]: Yes.

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: *That means financial dia nombor dua?*

Puan Siti Zubaidah binti Abdul Latif [KDN]: Ya.

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Okey, terima kasih.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Yang Berhormat, kalau tak ada kita pergi pada *next syor*.

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Terima kasih, Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi. Syor keempat adalah KDN dan KESUMA perlu bekerjasama merangka pelan strategik yang menyeluruh berhubung pengurusan pekerja asing dan tidak terhad kepada pembangunan sistem semata-mata. Kedua-dua kementerian perlu memastikan tiada lagi pertindihan fungsi sistem yang dibangunkan mengakibatkan pembaziran wang awam.

Jadi, untuk makluman Yang Berhormat, susulan penyusunan semula kementerian, jabatan dan agensi di bawah Kerajaan Perpaduan, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 7 Disember 2022 memutuskan supaya portfolio pengurusan pekerja asing dikembalikan kepada KDN bagi memastikan masalah berkaitan dengan proses pengambilan serta kerentah birokrasi dapat diselesaikan. Menyedari hakikat bahawa keberadaan pekerja asing di dalam negara turut memberi kesan kepada aspek keselamatan dan perkara ini perlu diimbangi sebaiknya.

Kerajaan pada 31 Januari 2024 telah bersetuju supaya KDN mengetuai pengoperasian *One Stop Centre* Pengurusan Pekerja Asing. Fungsi *One Stop Centre* KDN juga telah diperkasakan dengan penambahan fungsi yang lebih komprehensif dan menyeluruh serta menepati aspirasi pemasukan semua perkhidmatan berkaitan pengurusan pekerja asing di bawah satu bumbung.

Antara fungsi yang dijalankan oleh *One Stop Centre* KDN adalah proses temu duga, pembayaran levi, kelulusan kuota, pertukaran majikan ataupun sektor serta pembayaran balik levi. Dengan pemasukan fungsi *One Stop Centre* KDN ini, urusan majikan dapat dipermudahkan dan kerentah birokrasi dapat dielakkan seterusnya meningkatkan mutu dan kualiti penyampaian perkhidmatan kerajaan kepada rakyat. Sebagai contoh, ia telah dapat memendekkan tempoh kelulusan kuota penggajian pekerja asing kepada satu hari sahaja di mana pematuhan aspek imigresen—keimigresenan, perburuhan dan kelayakan kuota akan dinilai oleh panel secara kolektif dan serentak.

Yang Berhormat, izinkan saya bagi membolehkan penjelasan lebih terperinci berhubung dengan peranan dan fungsi KESUMA. Bagi syor empat ini, saya ingin menjemput Yang Berbahagia Datuk Azman Mohd Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia untuk meneruskan pembentangan. Silakan.

Datuk Azman bin Mohd Yusof [Kementerian Sumber Manusia (KESUMA)]: Terima kasih pada Yang Berhormat Datuk KSU KDN, rakan saya yang masih hijau dalam bidang ini termasuklah saya juga hijau. Maknanya *green* lah, baru lagilah. Sama-sama, tarikh kami bertukar itu tarikh sama. Betul kah? Tetapi, tak apa. Bukan bermakna kita tak dapat memberikan maklumat. Saya ambil masa dua bulan juga nak faham. Kalau saya ambil masa dua bulan, PAC ini satu hari saya rasa ambil *challenging* jugalah dia punya kefahaman itu.

Tetapi, *alhamdulillah* saya sebenarnya memang memberi *full attention* juga apabila perkara ini diletakkan di bawah pemerhatian PAC ya. Jadi, dalam konteks kerjasama dengan KDN dan KESUMA kita ambil kiralah syor-syor yang telah dinyatakan oleh pihak PAC dan dasar-dasar juga telah dibincang melalui beberapa *governance*, tadbir urus yang telah diwujudkan. Antaranya Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Antara Menteri yang diketuai juga oleh Yang Berhormat Menteri KDN dan juga Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia diikuti dengan kedua-dua KSU kementerian yang berkaitan.

■1340

Kalau mengikutkan perancangan, mesyuarat ini selalunya akan diadakan sekurang-kurangnya empat kali setahun. Buat masa ini untuk tahun ini sahaja kita dah ada tiga kali mesyuarat membincangkan tentang pengurusan pekerja asing khususnya dalam konteks kuota.

Seterusnya untuk makluman, selain daripada apa yang telah diperjelaskan oleh KSU KDN tadi pada 31 Januari 2024, kerajaan telah memutuskan beberapa perkara. Tadi kita katakan bukan sahaja berkaitan dengan sistem tetapi dari segi proses kerajaan telah memutuskan supaya dilakukan perekayasaan bagi meningkatkan keberkesanan keseluruhan proses penggajian pekerja asing. Antara penambahbaikan seperti yang telah dimaklumkan tadi mewujudkan semula OSC dan diletakkan di bawah kawal selia KDN.

Seterusnya, kita juga melihat dalam aspek bagaimana kita boleh mengurangkan tempoh kelulusan kuota penggajian pekerja asing kepada satu hari yang mana boleh diputuskan di peringkat OSC. Ini akan melibatkan beberapa pihak dalam anggota jawatankuasa tersebut. Ini mempermudahkan keputusan dibuat dengan lebih cepat.

Selain daripada itu kita juga telah berusaha untuk mengurangkan tempoh masa pemprosesan yang dilihat tidak lagi relevan dan juga dikatakan bertindih. Penambahbaikan yang dirangka bermula daripada permohonan kuota sehingga salah ketibaan pekerja asing tersebut di dalam negara. Keseluruhan proses dipendekkan

dari 29 bulan 13 hari kepada 15 bulan tujuh hari dengan pengurangan signifikan sehingga 46 peratus.

Seterusnya antara tindakan-tindakan yang lain yang telah kita lakukan di antara KDN dan KESUMA, kita mengadakan pelbagai mesyuarat peringkat kerja yang melibatkan pelbagai ahli daripada pegawai-pegawai kanan daripada KDN dan KESUMA dan semua kementerian yang terlibat. Mengadakan juga beberapa mesyuarat peringkat kerja bagi menyelaras keputusan berhubung pengurusan pekerja asing yang diputuskan oleh Jemaah Menteri bagi memastikan kelancaran pelaksanaan di jabatan serta mengelakkan isu-isu berbangkit.

Untuk makluman juga ketika saya melaporkan diri dan tak sampai lebih kurang– kurang daripada sebulan, saya dah mula memanggil pihak KDN dan juga pegawai-pegawai kanan daripada KESUMA untuk mengetahui ekosistem pengurusan pekerja asing. Malah bukan sahaja nak mengetahui tentang fungsi tetapi juga mengenai sistem-sistem yang telah tadi kita bincangkan, FWCMS dan juga ePPAx.

Selain itu KESUMA sentiasa bersedia bekerjasama dengan KDN untuk memastikan tadbir urus pekerja asing di Malaysia adalah efisien dan dinamik termasuk melaksanakan usaha untuk merangka pelan strategik pengurusan pekerja asing yang komprehensif dan holistik.

Mesyuarat Jawatankuasa Bersama antara Menteri Dalam Negeri dan juga Menteri Sumber Manusia mengenai pengurusan pekerja asing yang ke-10 iaitu Bil.1/2024 pada 16 Januari 2024 antara lain telah bersetuju dengan penambahbaikan ekosistem pengurusan pekerja asing melibatkan penambahbaikan proses kerja, dasar dan syarat berkaitan pengurusan pekerja asing. Keputusan yang dicapai melalui mesyuarat ini adalah berpandukan kepada empat matlamat utama iaitu merendahkan kos migrasi, mempercepatkan proses kemasukan, memastikan kebijakan pekerja asing terjaga dan memastikan kepentingan majikan turut terpelihara.

KESUMA dan KDN berbincang secara berkala bagi menyelaras pengurusan sistem pekerja asing di peringkat kerja dan *pre-council* sebelum dibawa ke mana-mana pertimbangan khususnya dalam Mesyuarat Jawatankuasa Bersama antara Menteri Dalam Negeri dan Menteri Sumber Manusia. *Insya-Allah* dalam masa terdekat akan ada lagi satu lagi mesyuarat dijangka dalam bulan November tahun ini untuk membincangkan tentang dasar baharu tentang arah tuju pengurusan pekerja asing. Sekian, terima kasih.

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Terima kasih Datuk Azman di atas penerangan sebentar tadi. Sebagai tambahan sedikit Yang Berhormat Datuk Wira

Pengerusi, KESUMA dan KDN bersedia dan komited untuk memastikan tadbir urus pekerja asing di Malaysia agar ia lebih efisien dan dinamik termasuk melaksanakan usaha untuk merangka pelan pengurusan pekerja asing yang komprehensif dan holistik melalui empat langkah seperti berikut:

- (i) perwujudan pelan strategi yang akan menjadi rujukan utama semua pihak berkepentingan berhubung pengurusan pekerja asing;
- (ii) penggunaan sistem milik kerajaan bagi menjamin keselamatan data permohonan, kelulusan dan apa-apa transaksi berkaitan pengurusan pekerja asing di mana agensi, jabatan berhak menentukan sistem yang akan digunakan mengikut bidang kuasa masing-masing. Walau bagaimanapun, laman utama ataupun *homepage* untuk permohonan dan apa-apa aktiviti boleh menggunakan sistem milik kerajaan atau sebaliknya;
- (iii) penggunaan sistem yang sama atau pelaksanaan integrasi sistem bagi memastikan kesinambungan proses kerja dan kelangsungan data dari satu medan ke medan operasi yang lain merentasi kementerian dan jabatan; dan
- (iv) penerapan konsep permuafakatan atau persetujuan secara bersama bagi setiap penambahbaikan atau pengenalan polisi, dasar, undang-undang baharu berkaitan pengurusan pekerja asing yang diputuskan oleh kedua-dua kementerian.

Seterusnya syor yang terakhir...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Saya nak tanya sikit, Datuk Wira.

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Okey sila.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Ini disebut empat perkara. Pertamanya mewujudkan pelan strategik seperti yang Audit Negara hendak. Dah wujud kah pelan strategik ini? Kita nak wujudkan tapi dah wujud kah belum? Sama juga yang tiga lagi itu. Adakah dia dah disiapkan ataupun dalam proses?

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: Untuk pelan strategik YB, dia masih lagi dalam peringkat proses. Kita telah tugaskan setiap agensi kawal selia (AKS) untuk *come up* dengan cadangan. Sebab selama ini sebagai contoh untuk makluman YB Menteri kita hanya berpandu kepada kriteria-kriteria yang lama. Sebagai contoh kalau ladang adalah berdasarkan keluasan, kalau pembinaan adalah berdasarkan nilai kontrak tetapi seiring dengan perkembangan masa kita

akan lihat secara holistik, YB upaya pelan strategik itu bukan sahaja *to safeguard government interest* tapi juga boleh menjadi panduan kepada syarikat-syarikat kita, YB.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Okey ini satu inisiatif yang amat baik. Memang banyak syarikat kah, kerajaan ada pelan strategik. Tapi bila pelan strategik ini akan disiapkan? Bagi tempoh berapa tahun? Pelan strategik ini selalunya pelan strategik untuk lima tahun, pelan strategik— kalau 10 tahun terlalu lama lah, kan? Lima tahun *just nice* satu penggal Rancangan Malaysia negara kita. Bila nak disiapkan? Bagi semua agensi ini untuk buat *preparation*, kan?

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: Proses konsultasi dengan AKS masih berlaku YB.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Target* ini bila?

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: Tarikh akhir untuk kita siapkan *first draft* adalah 1 Januari 2025 YB untuk kesemua sekali.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Lepas 1 Januari kita boleh tengok lah *kot na*? PAC pun teringin nak tengok juga.

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: Lepas itu kita akan adakan setiap beberapa tahun untuk kita *review* sebab sekarang perkembangan teknologi...
[Dicelah]

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Cepat.

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: Pelbagai.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tapi *you kena set daripada awal berapa tahun dia punya pelan strategik*. Tiga tahun kah, lima tahun kah. Kalau tak ada *time period is not really meaningful*.

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: *The time frame* untuk satu pelan strategik untuk yang kita cadangkan lima tahun.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Selalunya lima tahun.

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: Tetapi dalam tempoh tersebut ada beberapa kali *review* daripada setiap AKS.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Of course. You review every year. As in when you perlukan.*

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: Baik YB.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Itu tahun depan siap lah?

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: *Insya-Allah.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Bagi kat PAC satu nak tengok berapa banyak.

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: Boleh. *First draft* untuk YB untuk *1st January* tersebut.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Alright. Terima kasih banyak.

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: Sama.

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Okey terima kasih YB. Yang Berhormat Datuk Wira Pengurus, seterusnya syor yang kelima daripada PAC iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM) perlu memaklumkan terkini terhadap siasatan 24 permohonan kuota pekerja asing yang telah diluluskan oleh *unauthorised user* seperti dilaporkan oleh KESUMA.

Izinkan saya bagi membolehkan penjelasan lebih terperinci berhubung dengan tindakan susulan yang telah dibuat oleh pihak PDRM bagi syor yang kelima ini saya ingin menjemput Timbalan Pengarah Siasatan, Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman, DCP Dato' Rohaimi Md Isa untuk meneruskan pembentangan. Silakan.

Dato' DCP Rohami bin Md Isa [PDRM]: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Pengurus. Hasil siasatan yang telah dijalankan oleh pihak PDRM iaitu Bahagian Siber Jenayah Komputer kita dapat bahawa apa yang berlaku adalah tidak mengakibatkan sebarang niat kecurangan. Ia adalah berpunca daripada segi teknikal sahaja. Kesilapan teknikal. Hasil daripada percakapan daripada KESUMA dan juga dari pihak vendor sememangnya kita dapatkan tidak ada sebarang elemen jenayah yang dapat dibuktikan. Ia adalah berdasarkan masalah teknikal pada sistem FWCMS. Ia tidak melibatkan apa-apa kerugian atas alatan-alatan tersebut. Yang Arif PPN telah bersetuju kes ini di NFA.

■1350

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Pengurus, saya nak beralih sedikit tentang syor keempat iaitu KDN dan KESUMA perlu bekerjasama merangka pelan strategik yang menyeluruh. Dalam PAC, kita telah mendapat bahawa ada sikit kecelaruanlah ya. Sebab pada 26 Ogos 2015, mesyuarat Kabinet yang sama meluluskan dua projek yang sama iaitu FWCMS dan juga ePPAx, pada Kabinet yang sama ya. Kedua-duanya mengatakan bahawa membangunkan satu sistem yang komprehensif untuk menguruskan pekerja asing. Jadi ini adalah satu—*at the highest level-lah, Cabinet is the highest level* tapi masih membuat keputusan yang macam dua sistem.

Saya faham apabila dia masuk ke kementerian, kementerian masing-masing mempunyai *jurisdiction* sendiri. Jadi *you* membangunkan *you* punya sistem,

KESUMA bangunkan sistem yang lain, maka *didn't talk to each other*. Maka, kecelaruan itu berlaku. Daripada situlah, daripada Kabinet sampai ke kementerian, kementerian lepas itu masuk ke bawah. Akhirnya, yang berlaku adalah— yang menjadi *suffer* itu adalah pekerja asing di luar dan juga majikan mereka. Mereka *confused* dan masing-masing mereka kena bayar sini, bayar sana dan dia menyebabkan *cost of doing business*.

Kita pun ada masalah juga dengan *vendor-driven*. Sistem kita selalunya vendor yang *driven* ya. Vendor masuk bagi *proof of concept free* kepada kerajaan *at no cost to the government*. Selepas itu dia *developed, developed, it becomes a huge cost to the government*.

Jadi itu sebab syor nombor 4 itu, PAC harap bahawa adalah satu sistem yang komprehensiflah. Kalau NIISe itu boleh komprehensif, komprehensiflah dan ia harus ditentukan oleh kerajaan. Dia bukan vendor yang tentukan sistem, modul 1 hingga 30. Sebenarnya adalah kerajaan yang menentukan dan kita *open tender* dan kita cari yang terbaik dan kos yang berpatutan untuk *deliver the system*. *That is our whole point*, okey. Jadi, saya haraplah, kedua-dua KSU bolehlah bantu kerajaan untuk menjimatkan kos dan *deliver a comprehensive system*. Terima kasih.

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Terima kasih, YB. Diambil maklum. Kita akan bergerak ke arah itulah, syor yang dicadangkan oleh PAC.

Datuk Wira Mas Ermeyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Ada apa-apa lagi nak ini bertanyakan soalan? Ya, YB Sik.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Ya. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi. Saya balik tadi juga dalam syor empat itu, keperluan yang sangat penting, pelan strategik kedua-dua kementerian ini.

Dalam maknanya mungkin sudah ada *time frame* ya pelan itu disiapkan dan kita nak *implement*. Ketika mana saya nampak yang pentingnya adalah kedua-dua kementerian melihat dari segi analisa pasaran tenaga kerja asing itu untuk mungkin tadi kata lima tahun kan? Sebab perlu dilihat. Maknanya analisa itu dimulai sekarang. Kalau kita tengok maknanya di *ground* sana, orang melihat ada beberapa sektor itu, tenaga kerja asing terlalu besar, terlalu banyak dan nampak mungkin sudah ada lambakan. Sebab itu ada kes sampai mereka ini tak pulang dan maka menyalahgunakan visa dan sebagainya. Maknanya di situ analisa jangka panjang itu mungkin dalam pelan strategik yang disyorkan oleh PAC.

Kedua, dari segi keperluan sektor itu sendiri. Ada sektor yang mungkin dia satu tahap itu, dia sudah pun diisi oleh tenaga kerja tempatan dan perlu ada pelanlah. Sebab untuk saya ingat dasar kepada tenaga kerja asing untuk ke depan ini adalah kita perlu— maknanya penting pengurangan itu sedikit demi sedikit kan, untuk kita

nak isi dengan tenaga kerja tempatan. Itu saya nampak yang perlu dilihat oleh kedua-dua kementerianlah ya. Ini kerana selagi kita bergantung dengan tenaga kerja asing ini, maknanya ketika itulah kita akan ada ruang-ruang dari segi ekonomi kita ini yang akan terkesanlah dari segi pengeluaran—ini wang kita keluar dan sebagainya. Jadi, itu maknanya dasar jangka panjang yang perlu dilihat oleh kedua-dua kementerianlah dalam pelan strategik yang kita syorkan itu. Terima kasih.

Datuk Azman bin Mohd Yusof [KESUMA]: Terima kasih Yang Berhormat Pengurus dan juga saranan daripada Yang Berhormat tadi.

Dalam konteks kita ini, pekerja asing ini adalah salah satu perkara dalam sektor pekerjaan itulah. Di bawah KESUMA, kita melihat *overall*-lah sektor pekerjaan. Dalam konteks model sektor pekerjaan dalam Malaysia sekarang ini, memang akan berubah dalam tempoh lima tahun akan datang inilah kerana kata kalau kita lihat hari ini—sebab itu ada banyak pindaan kepada undang-undang berkaitan dengan sumber manusia telah pun dilakukan. Tahun ini sahaja ada lapan pindaan undang-undang yang telah berjaya dilakukan. Sehingga akhir tahun ini, ada dua lagi, *coming soon*. Antaranya pekerja gig dan sebagainyalah.

Jadi untuk melihat pekerja asing ini bagaimana kita boleh mengurangkan kebergantungan, dia juga akan melibatkan *upgrading skills* daripada *local player*-lah dan penggunaan teknologi, antaranya. Saya ambil contoh, kita kena buat satu *different mindset* sekarang ini dalam konteks *conventional working understanding* kepada *the new thinking*. Contoh, sebelum-sebelum ini, kita biasa membicarakan tentang 3D. Di peringkat saya kalau hari ini, saya tak suka bercakap fasal 3D. Sepatutnya pekerjaan 3D ini tak wujud kerana semua pekerja adalah yang terbaik, tak kiralah apa sekalipun.

Saya ambil contoh, bila kita menaikkan *minimum wage*, contoh ya, sifat dia adalah untuk bukan sahaja—kebanyakan orang nampak adalah berbentuk kebijikan, menaikkan kadar *cost of living* dan sebagainya. Tapi bagi peringkat kementerian, kita melihat menaikkan tahap *minimum wage* contohnya, diikuti dengan *upgrading of skills* dan juga *multitasking functions*.

Contoh, seorang pekerja yang selama ini angkat sampah, pada suatu ketika nanti, kita nak dia bukan angkat sampah lagi dah tetapi dia bawa lori sampah. Teknologi lori itu akan mengangkat sampah itu. Pekerja itu tadi yang ambil sampah, dia akan bawa lori. Itu kita *upgrade skill* dia. *That is why* gaji dia kita boleh bagi naikkan tinggi. Dalam masa yang sama, kita boleh buat *multiskilling* kepada dia. Bila lori itu rosak, dia boleh *repair*. Bermaksud, seorang pekerja tadi itu, asalnya pemungut sampah tetapi telah dapat buat tiga kerja. Ya, ambil sampah, gunakan lori, baiki lori.

This is the new method ataupun *the new model* yang kita nak *upgrade*. Bila perkara ini menjadi satu profesion, maka ramailah *local players* akan kata, “Kita nak bekerja dalam negara”. Sebab itu di Singapore, tak ada masalah untuk bekerja dalam urusan pengurusan sampah oleh kerana gaji yang tinggi dengan profesion yang dikatakan tersebut dan sebagainya.

Perkara ini dibuktikan dalam konteks, contoh masa saya di Kementerian Wanita dulu, kita memperkenalkan bidan. Bidan-bidan ini *traditional* bidan tetapi kita *upgrade* dia kepada MamaCare. Sekarang ini MamaCare 2.0. *It is a postnatal service*. *Postnatal service* bermaksud mereka memberikan perkhidmatan kepada ibu bersalin. Kalau perkara ini tidak kita lakukan— menjadikan ia satu profesion, saya tak yakin ramai akan jadi bidan pada hari ini. Tapi hari ini kita sudah ada kumpulan *postnatal service* yang memberikan servis profesional kepada ibu-ibu bersalin. Ini adalah contoh. *This is a case study* di Oxford University pada ketika kita membentangkan kes kita di peringkat luar negaralah, *last time*.

Jadi, inilah elemen yang kita harus fikir. Jangan kita letakkan kebergantungan kepada pekerja asing dan jangan kita merendahkan tahap status pekerjaan itu tetapi kita kena *upgrade* dengan cara menaikkan tahap pendapatan, menaikkan tahap skil, meletakkan kebertanggungjawaban yang lebih tinggi serta KPI kepada pekerja. Oleh yang demikian, majikan tidak perlu *complain* mengatakan gaji naik tapi kos tinggi meningkat, tak. Gaji naik, skil naik, produktiviti juga akan naik. *This is the formula that we need to use*. Itu sahaja untuk makluman.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengurus, boleh saya sambung? Saya syok dengar Datuk cakap fasal *multitasking* ini.

Ini satu *answer* yang cukup baik. Kita nak naikkan gaji pekerja, kita tak nak dia buat kerja benda yang sama ya. Sebenarnya *multitasking* ini sudah dilaksanakan di banyak negara maju. Saya pernah pergi Australia tahun 2000. Ini contoh tapi saya tak main golf ya, jangan *pikiaq* saya main golf pula. Saya tak tahu nak main golf cuma kalau paksa, saya *katok pi-lah*. Kita ada grup tapi dengan MB Kedah *before some other version-lah*. *Weekend*, nak main golf. Saya ikutlah naik van itu.

■1400

Van itu Datuk, *driver* itu bawa vanlah. Yang bawa van itu, *driver-lah*. Sat lagi, dia keluar, dia angkat beg semua. Beg-beg, golf-golf ini semua dia angkat. Tak apalah. Dah nombor dua, dah dua kerja dah. Lagi satu, *pi ataih* padang. Saya *pi tengok* orang mainlah. Dia jadi *caddy*, tiga. So, kerja jadi mudahlah. *Then, you boleh bayar gaji hang*.

Lagi satu *example*, dalam *travel* yang sama itu, kita naik satu kapal terbang kecil saja daripada Melbourne to Wagga Wagga. Ini rombongan Kedah-lah ini. Dia ini *mai* angkat beg kita, bubuh dalam itulah, kargo itu. Selepas itu, tak apalah. *Sat* lagi, naik kapal terbang, dia *mai check* kita. *Seatbelt* dah pakai ke *dak*, selalunya kita ini *air stewardess* ke apalah *check*. Rupanya, dia *pilot*. Boleh tiga dia buat kerja. Bagi gaji, tiga gajilah. *It's okay-lah kan?*

I think, these should be the answer to our country, to reduce especially foreign workers. Orang kita boleh buat sebenarnya tetapi kita bagi insentiflah. Insentif dia, gaji yang lebih tinggilah. Jadi, *win-win*. *Employee* pun untung dapat gaji tinggi, *employer* untung dia tak payah *recruit* banyak tenaga kerja. So, saya sokong Datuk. Teruskan. Cukup bagus punya cadangan.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi, saya ada soalan tetapi ini mungkin bukan balik semula kepada FWCMS ini. Saya difahamkan, imigresen dia masih ada kontrak dengan MYEG untuk pengeluaran PLKS ini. Jadi, dengan termeterainya perjanjian dengan Bestinet ini untuk FWCMS ini, apa yang akan terjadi kepada perjanjian dengan MYEG itu? Terima kasih.

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: Terima kasih, YB. Berkenaan dengan MYEG, kita akan tamatkan pada 1 Februari 2025 sebab seperti mana yang telah dijelaskan tadi, persetujuan adalah untuk memberikan hak eksklusif kepada syarikat untuk membuat pembaharuan dan juga PLKS tahun pertama.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: So, jadi buat masa sekarang, ada dua syarikat yang boleh keluarkan PLKS ini?

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: Pada masa sekarang, untuk—dia ada dua, YB. Satu, PLKS tahun pertama dan satu lagi, PLKS *renewal*. Untuk *renewal*, dia hanya efektif pada 1 Februari 2025 tetapi untuk PLKS tahun pertama, yang sekarang ini dibuat oleh FWCMS. So, by 1 Februari 2025, hanya ada satu vendor sahaja yang membuat pembaharuan dan juga tahun pertama.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Susulan daripada soalan Bangi, ia ditamatkan *because of* tamat tempoh ataupun memang ditamatkan?

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: Di dalam kontrak MYEG, YB Datuk Pengerusi, ada klausa mengatakan bahawa pada bulan ke-10 perjanjian dengan MYEG, kita kena *review performance* dia. Keputusan untuk kita tamatkan, dia ada berlanjutanlah.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Bulan 10 ke tahun ke-10?

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: Bulan ke-10, YB Datuk Wira.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ada bayaran apa-apa, ganti rugi ke ditamatkan perkhidmatan tersebut?

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: Tidak ada.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Jadi, kita tamatkan berdasarkan *performance* MYEG untuk mengeluarkan PLKS ini? Sebab, saya difahamkan, yalah.... *[Dicelah]*

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: Dia kontrak untuk MYEG adalah dia bukan *straight away* dua tahun tetapi satu campur satu. Yang campur satu tadi itu adalah berdasarkan *performance* yang dinilai pada bulan ke-10.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Dan *performance* itu telah dinilai?

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: Dinali oleh Jabatan Imigresen.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Dan telah dinilai?

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: Ya.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Dan bila dah dinilai, maka keputusan dibuat untuk tidak bagi opsyen lanjutan satu lagi tahunlah? Betul? Okey, dan memang kita ada ya semua sebab-musabab, alasan untuk kita tak bagi satu lagi tahun sebab nanti tiba-tiba datang PAC balik nanti, kata kita bagi sebab kita tak *renew*, kita kena saman. So, kita kena bagi pula pada MYEG lagi satu. Kita tak nak jadi macam itu.

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: Dia kontrak... *[Dicelah]*

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Jadi, saya harap bahawa semua faktor-faktor yang ada itu betul-betul adalah. *By notis* semua diberikan kepada MYEG dan sebagainya. Ada dibuat ya?

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: MYEG, dia hanya ada satu aktiviti sahaja iaitu pengeluaran PLKS tetapi kalau FWCMS, dia keseluruhan ekosistem daripada bermulanya iklan, terus kepada— dia ada 15 modul. Sehingga akhir sekali, pekerja itu keluar, kita bagi *Check Out Memo (COM)*.

So, kalau kita nak bandingkan FWCMS dengan MYEG, dia bukan satu *comparison* yang wajar sebab MYEG satu sahaja. Sedangkan, FWCMS ada 15 dan salah satu komponennya tadi adalah pengeluaran PLKS atau disebut ePASS.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Saya faham itu. Cuma, isunya sekarang, kita dah buat keputusan untuk tamat ataupun kerajaan dah buat keputusan untuk tamatkan kontrak MYEG ini, tak bagi satu lagi tahun.

Saya berharap bahawa keputusan tersebut dilatarbelakangkan dengan alasan-alasan yang kukuh supaya pihak MYEG ini pula nanti tak ambil tindakan undang-undang seperti apa yang berlaku sebelum-sebelum ini ke apa, untuk kata kita sepatutnya dapat *one more year*. You tak bagi kita *one more year*. Jadi, kita

saman. *Then*, kemudian kita— pihak kerajaan pula kena masuk perjanjian untuk bagi satu lagi tahun dan juga, benda yang samalah.

Akhirnya, yang akan menanggung perbelanjaan ini semua ialah pihak kerajaan. Jadi, saya harap bahawa proses itu, alasan itu kukuh supaya kalau betul *you* dah buat keputusan, benda itu tak boleh dipertikaikan lagi oleh pihak MYEG.

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: Kita ambil maklum, YB ya tentang penelitian yang perlu dibuat. Tetapi, sebagaimana yang dijelaskan tadi, kontrak MYEG dia bukan dua tahun sekali gus tetapi dia adalah satu campur satu. Tetapi, sebagaimana yang disarankan, kami akan ambil maklum dan laksanakan, YB.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Maaf, Datuk Wira. Kontrak dengan MYEG ini, dia punya tempoh dia daripada tarikh bila sampai bila?

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: Saya mohon semak, YB tetapi kontrak dia akan berakhir untuk satu tahun. Itu adalah pada 1 Februari, YB.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: So, maksudnya kalau kita ikut macam itu, maknanya kontrak dia daripada Februari tahun inilah? Kalau kita ambil satu campur satu, bukan?

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: Betul, betul.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Sepatutnya, Februari tahun ini sampai Februari tahun depan. Kemudian, boleh dilanjutkan lagi untuk satu lagi tahun untuk Februari 2026.

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: SST. Betul, betul.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Tuan Pengerusi, saya nak tanya satu tentang FWCMS-lah. Okey? Kerana, kita tahu bahawa FWCMS, dia dah enam tahun. Sekarang, kita tambah enam tahun ya. Total, lebih kurang 12 tahun. Jadi, dia satu kontrak yang sangat panjang dan adakah kerajaan *imposed certain evaluation*, penilaian *along the way*?

Maksudnya, contohlah seperti MYEG. Adakah dia ada penilaian? Kalau dia tidak *perform*, dia tidak *deliver*, kerajaan mempunyai kuasa untuk *terminate* dan sebagainya? Itu soalan pertama. Soalan kedua adalah *exit cost*, seperti Tok Ku kata. Adakah kita mempunyai *exit cost*, keluar daripada kontrak tersebut? Terima kasih.

Dr. Hebat Hisham bin Mohd. Yusoff [KDN]: YB, dengan izin YB. Sebagaimana yang telah diperjelaskan tadi, kontrak disemak dan diperakui oleh Jabatan Peguam Negara di mana pihak Jabatan Peguam Negara ada mempunyai standard format. Antaranya, klausa-klausa bagi menjaga kepentingan kerajaan.

Berkenaan dengan penilaian semasa berlakunya tempoh kontrak, itu memang kita masukkan. Sebagai contoh, syarikat memerlukan pembaharuan

kepada teknologi. Seperti mana yang telah dijelaskan, *lifespan* untuk satu teknologi maksimum tiga tahun dan kita syaratkan supaya syarikat untuk *upgrade* perkara tersebut.

Pemantauan *performance* syarikat memang akan dibuat daripada semasa ke semasa. Sebagai contoh, kita dah dua kali mesyuarat dengan Tan Sri Dato' Seri KSN iaitu pada 21 Oktober 2024 dan juga 25 Oktober 2024. Antara intipatinya adalah untuk memantau apa yang berlaku di dalam FW CMS berkenaan dengan penggunaan-penggunaan sistem tersebut, YB.

■1410

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Just satu lagi perkara, Naib Pengerusi. Berkenaan dengan perjanjian dengan MyEG itu, boleh tak kami dapatkan satu salinan nanti? Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Okey. Ada apa soalan lagi? Tak ada kan? So, we can end lah. Boleh? Ada apa? Tak ada ya. *[Dicelah]* Ya, Wangsa Maju?

Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Saya nak minta satu. Mohon satu perkara sahajalah. Apa yang berkenaan dengan HeiTech Padu itu. Proses yang 60, 15, tiga itu boleh kongsi pada dengan PAC minit *tender board*? Terima kasih.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Alright.*

Tuan Muhammad Ilmami bin Dato' Haji Ahmad [Kementerian Dalam Negeri (KDN)]: Yang Berhormat, saya Muhammad Ilmami Haji Ahmad, Penasihat Undang-undang, KDN. Berkaitan dengan perkara atau pun dokumen yang berkaitan dengan NIISe itu, mungkin saya boleh *refresh* bahawa dalam mesyuarat PAC yang terdahulu berkaitan dengan NIISe. Perkara NIISe tidak dapat dibincangkan disebabkan terbabit dalam kes *arbitration* bersama syarikat ITIS. So, kalau boleh dapat di— tak perlulah untuk di...

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Sekarang tak ada *arbitration*?

Tuan Muhammad Ilmami bin Dato' Haji Ahmad [KDN]: Sedang berlaku. Pihak-pihak masih lagi dalam peringkat untuk memfailkan tuntutan masing-masing.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Sebab kalau ya lah kalau di peringkat arbitrasi, so macam mana boleh ada SST boleh keluar?

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Sebab awal tadi saya dah tanya.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ada respons? Diam bertanda setuju.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Tuan Pengerusi, saya tidak nampak bahawa— mohonlah KDN sebab saya tak nampak bahawa isu *arbitration* itu menghalang daripada memberi dokumen untuk PAC semak sahaja. Kami pun tidak akan komen ke apa-apa ya. Mohon bagi dokumen tender. Terima kasih.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Setuju. Saya pun tak nampak bagaimana *arbitration* itu boleh diprejudiskan hanya dengan kita dapat dokumen. Kita boleh bincang sama ada dokumen itu perlu di-redacted-kah ataupun dimasukkan dalam ini tetapi sekurang-kurangnya untuk PAC teliti dokumen tersebut, saya tak lihat apa halangan walaupun ada *arbitration*.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Harap boleh inilah— boleh berikan nanti okey. Kalau— dah habis kah pembentangan?

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Dah habis. Kita dah pergi yang kelima-lima syor daripada PAC, Yang Berhormat Datuk Pengerusi.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Dah habis?

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Dah habis. Saya cuma nak menutup sedikit sahaja.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Saya belum nak tutup lagi ini, Datuk.

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Ya, ya.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Saya nak tanya tadi lanjutan daripada isu yang dibangkitkan oleh Bayan Baru tadi dan juga Bangi. Boleh tak saya nak dapat respons daripada pihak AGC atau pun PUU yang terbabit. Bagaimana kalau di peringkat arbitrasi *and then SST* boleh dikeluarkan? Adakah ini menjadi satu amalan biasa ataupun amalan luar biasa ataupun bagaimana?

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ada? Ada respons daripada pihak AGC ataupun PUU kalau ada?

Puan Nur Farhana binti Baharuddin [Jabatan Peguam Negara (AGC)]: Maaf, Yang Berbahagia Yang Berhormat Pengerusi. Side kami tiada pengetahuan berkenaan dengan isu yang dibangkitkan.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Tetapi saya nak tanya soalan kepada AGC. Boleh ataupun tidak dibuat dalam keadaan begitu mengikut pemahaman, perundangan, *you know?*

Puan Nur Farhana binti Baharuddin [AGC]: Perkara berkenaan saya perlu membuat semakan terlebih dahulu, Yang Berhormat.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Jadi, kalau macam itu macam kita nak siapkan laporan ini? Saya tak boleh nak siap laporan. Laporan nak bentang minggu depan. Kalau tak, saya kena panggil lagi sekali prosiding. *You want that?*

Puan Nur Farhana binti Baharuddin [AGC]: Saya sedang cuba mendapatkan maklumat, Yang Berhormat.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Bagi secara *official*-lah kepada Sekretariat PAC. PUU KDN ada di sini?

Tuan Muhammad Ilmami bin Dato' Haji Ahmad [KDN]: Ya.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. *How about PUU KDN, response?*

Tuan Muhammad Ilmami bin Dato' Haji Ahmad [KDN]: Saya juga akan bersama dengan AGC untuk memberikan maklumat yang sedemikian kepada pihak PAC.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, AGC memang *a part* tetapi PUU sebab apa nama ini segala perjanjian itu semua dalam pengetahuan PUU pastinya. Itu perkara pokok, perkara asas. Betul ya?

Tuan Muhammad Ilmami bin Dato' Haji Ahmad [KDN]: Betul, betul.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Jadi, kenapa perlu nak ikut AGC pula? Patut boleh dapat...

Tuan Muhammad Ilmami bin Dato' Haji Ahmad [KDN]: Sebabnya untuk semua perjanjian yang berkaitan dengan contohnya ialah FWCMS kah, pihak kami sentiasa akan berunding dengan pihak AGC lah semasa memuktamadkan perjanjian tersebut.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Okey, Tuan Pengerusi. Sebenarnya apa yang Pengerusi tanya adalah apabila dalam *process arbitration*, kenapa beri KDN *sign* dengan HeiTech Padu SST? Bagi dia SST? Okey, itu— adakah ia proses yang biasa atau ini di luar biasa? Ini minta komen sahaja. PUU KDN?

Tuan Muhammad Ilmami bin Dato' Haji Ahmad [KDN]: Apa ini— sebagai mana yang komen pihak AGC sebentar tadi, pihak kami akan bersama dengan pihak AGC untuk apa inilah memberikan maklumat yang sedemikian sama ada SST boleh dikeluarkan semasa proses timbang tara berlaku.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Apakah tindakan untuk bagi SST dan sebagainya dilakukan dengan tergesa-gesa ataupun diberikan tekanan untuk dibuat dengan segera?

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: YB Datuk Wira, boleh saya jawab? Saya baru berhubung dengan Ketua Pasukan Projek NIISe bahawa arbitrasi

yang ini bukan arbitrasi dia untuk menghalang dari segi penamatan kontrak tersebut. Penamatan kontrak tersebut diterima tetapi dia memohon kos-kos yang mana dia katakan kerajaan perlu membayar lagi kos-kos tersebut. *So that*, sekarang ini apa yang berlaku ialah dia memohon tuntutan dan kerajaan juga meng-submit-kan balik tuntutan tersebut. Itu arbitrasinya. Arbitrasinya bukan berdasarkan projek tersebut—dia memang dia dah akur projek itu ditamatkan tetapi dia memohon dari segi kos-kos yang dilaksanakan yang dia kata kerajaan masih belum bayar dan dituntut tersebut.

Sekarang ini adalah proses di mana kerajaan membuat tuntutan kepada mereka kerana dia tidak menyediakan perkhidmatan ataupun menyiapkan projek tersebut, kerajaan ada kerugian tersebut dan mereka juga memohon tuntutan-tuntutan berasaskan kepada permohonan mereka. So, itu yang saya dapat maklumat daripada Ketua Pasukan Projek NISe bahawa bukan berdasarkan kepada dia nak tuntut balik kepada projek untuk diberi kepada mereka tetapi mereka nak menuntut kos-kos yang mereka telah *deliver* tetapi mereka menyatakan bahawa kerajaan tidak membayar kepada tuntutan tersebut.

Datuk Wira Mas Ermeyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, tak apalah. Kita tunggu jawapan daripada jawapan *legal* daripada AGC dan juga *you*.

Datuk Haji Makhzan bin Mahyuddin [KDN]: Okey, okey YB Datuk Wira.

Datuk Wira Mas Ermeyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Alright.* Saya rasa itu sahaja. Saya ucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat. Terima kasih. Oh, minta maaf sebelum saya tutup. *Now*, nak tutup Datuk. Saya bagi laluan pada Datuk KSU KDN.

Datuk Awang Alik bin Jeman [KDN]: Terima kasih. Terima kasih Datuk Pengerusi. Saya cuma ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan terima kasih dan KDN akan mengambil tindakan proaktif terhadap pandangan yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dan terima kasih juga kepada pengurusan tertinggi KESUMA kerana sama-sama hadir dalam prosiding ini. Begitu juga dengan MoF.

Saya ingin memaklumkan bahawa laporan tindakan susulan muktamad bagi syor-syor PAC terhadap laporan LKAN ini telah dikemukakan kepada pihak PAC oleh Kementerian Kewangan berdasarkan laporan serahan tangan oleh pihak KDN pada 19 September 2024. Selanjutnya saya yakin penjelasan yang telah diberikan dapat mencapai objektif Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dalam memastikan ketelusan pentadbiran dan kewangan negara ditadbir secara baik dan sempurna.

Sekiranya ada apa-apa lagi maklumat yang diperlukan, pihak KDN bersedia untuk memberikan maklumat-maklumat yang diperlukan pada bila-bila masa. Terima kasih.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Terima kasih saya ucapan pada Yang Berbahagia Datuk Awang Alik bin Jeman, Ketua Setiausaha KDN, Yang Berusaha Tuan Ramzi bin Mansor, Timbalan KSP dan juga Yang Berbahagia Datuk Azman bin Mohd Yusof, KSU KESUMA dan semua pegawai yang terlibat dalam prosiding pada kali ini. Saya harap segala dokumen ataupun perkara-perkara yang telah pun diminta oleh PAC itu dapat dibekalkan dengan kadar segera kepada pihak sekretariat, kalau boleh esok.

Esok kami perlukan sebab kami akan melaporkan, membentangkan laporan ini pada minggu depan. Jadi, jangan inilah— jangan lambat daripada tarikh besok ya. Dengan itu, saya tangguh pada jam 2.21 petang. Ada— makan ada dekat luar. Dipersilakan, terima kasih.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 2.21 petang]



JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

Parlimen Malaysia, Jalan Parlimen, 50680 Kuala Lumpur

Tel: 03-2601 7263 / 2968 6852 (DL)

E-mel: pacparlimen@parlimen.gov.my

